

BULETIN JTM



KURSUS JANGKA PENDEK

MENINGKATKAN POTENSI INDIVIDU DAN MEMAJUKAN NEGARA



BE INSPIRED,
EXTRAORDINARY,
WORLD CLASS with TVET

EDISI
2023

Ikuti kami di
Facebook:
Jabatan Tenaga Manusia,
Kementerian Sumber Manusia
Malaysia
Laman Sesawang Rasmi:
www.jtm.gov.my

Dari Meja Pengarah



Segala puji bagi Allah, Tuhan semesta alam. Selawat serta salam ke atas junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W, keluarga dan para sahabat baginda.

Dalam menghadapi cabaran baharu sejajar dengan revolusi teknologi digital, Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) menjadi *game changer* dalam menyediakan tenaga kerja mahir berkemahiran tinggi untuk menjadi sebuah negara maju. Perkembangan teknologi ini memberi kesan kepada semua sektor di negara ini bagi melakukan perubahan seiring dengan transformasi digital untuk kekal berdaya saing.

Sejajar dengan hasrat tersebut, jabatan sentiasa responsif terhadap keperluan industri bagi memastikan program TVET yang ditawarkan adalah menepati kehendak industri semasa. Penambahbaikan secara berterusan sentiasa dijadikan budaya kerja oleh semua warga Jabatan Tenaga Manusia (JTM) dalam memastikan peranan institusi JTM terus kekal relevan dalam menawarkan program TVET yang menjadi pilihan utama masyarakat.

Sesungguhnya semua usaha ini memerlukan komitmen serta keterlibatan yang tinggi daripada pelbagai pihak antara industri dan kementerian serta agensi dalam memastikan tenaga kerja dari ILJTM menjadi tenaga kerja mahir negara yang kreatif, inovatif dan berdaya saing melalui program yang disediakan.

“TVET Pemacu Pembangunan Negara”

Ts. Hjh. Junita binti Mohamed Ali

Pengarah
Bahagian Pengurusan Latihan
Jabatan Tenaga Manusia



MUKA HADAPAN

Grafik

Noor Imran Mohamad

Gambar

ILP Pasir Gudang
ADTEC Melaka

Penaung

YBrs. Tuan Shakib bin Ahmad Syakir

Penyelaras

Ts. Hjh. Junita Mohamed Ali

Ketua Editor


Noor Imran Mohamad

Team Buletin JTM

Ts. Rostam Hamzah
Mohd Syafiq Suhaimi
Nor Shahida Sahlan
Nurul Azni Ab. Aziz
Mohd Norisham Fadhly Mat Ariffin
Mohd Nizom Shah Mohamad Nor

DITERBITKAN OLEH

JABATAN TENAGA MANUSIA
Kementerian Sumber Manusia
Bahagian Pengurusan Latihan
Aras 6, Setia Perkasa 4, Kompleks Setia Perkasa
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62530 Putrajaya



JTM IR4.0 Strategic Thrust

HIGH IMPACT INDUSTRY COLLABORATION
To maximize the benefit and real life industry exposure from industry collaboration towards realigning demand and supply requirements

- STRATEGIC THRUST 1**
1. Strengthen engagement with industries toward targeted outcome in IR4.0
 2. Optimize contribution from industries towards high impact syllabus content
 3. Coordinate with industries in technology adoption for creating synergies and increased the competence level of knowledge
 4. Accelerate digitalization application through strategic partners, government agencies and certification body including the entire value chain
 5. Realign existing centers based on industrial clusters and networks of industry players to serve as reference centers

FUTURE SKILL SETS AND CURRICULUM
To develop and implement comprehensive curriculum and skill sets that align with industry 4.0 requirement

- STRATEGIC THRUST 2**
1. Introduction of interdisciplinary innovation project for final year students
 2. Obtain recognitions and accreditations of curriculum and skill sets from industry and professional bodies
 3. Introduction of technology mentoring programs by experts from academia and professional
 4. Transform and provide graduates with skills related to Industry 4.0 requirement
 5. Equip graduates with 21st century skills that align with Industry 4.0 requirement

COMPETENCE AND CERTIFIED TRAINERS
To increase availability of competence and certified trainers

- STRATEGIC THRUST 3**
1. Develop competency profile and instructors skills abilities according to 9 pillars of IR4.0
 2. Reskilling and upskilling the future certified trainers in Industry 4.0
 3. Enhance industrial attachment related to Industry 4.0 amongst trainers
 4. Enhance trainer's mindset and creativity to meet IR4.0 requirements
 5. Carry out benchmarking activities with related country

21st CENTURY SKILLS TRAINING DELIVERY
To develop and practice effective way of training approach to maximize the effectiveness of knowledge transfer

- STRATEGIC THRUST 4**
1. Introduction of interdisciplinary innovation project for final year students
 2. Obtain recognitions and accreditations of curriculum and skill sets from industry and professional bodies
 3. Introduction of technology mentoring programs by experts from academia and professional
 4. Transform and provide graduates with skills related to Industry 4.0 requirement
 5. Equip graduates with 21st century skills that align with Industry 4.0 requirement

UP TO DATE FACILITIES AND INFRASTRUCTURE
To upgrade and equip training environment with up to date facilities and infrastructure which support the industry 4.0 requirements

- STRATEGIC THRUST 5**
1. Strengthen engagement with industries toward targeted outcome in IR4.0
 2. Optimize contribution from industries towards high impact syllabus content
 3. Coordinate with industries in technology adoption for creating synergies and increased the competence level of knowledge
 4. Accelerate digitalization application through strategic partners, government agencies and certification body including the entire value chain
 5. Realign existing centers based on industrial clusters and networks of industry players to serve as reference centers



**KURSUS
JANGKA
PENDEK
INISIATIF JTM
MENINGKATKAN
POTENSI
INDIVIDU DAN
MEMAJUKAN
NEGARA**

Sejajar dengan hasrat Kerajaan Malaysia untuk melahirkan ramai tenaga mahir negara, JTM menawarkan kursus-kursus kemahiran secara jangkapendekdalampelbagai bidangkejuruteraan dan teknikal khusus kepada para pekerja industri dan juga orang awam. Bertepatan dengan salah satu fungsi jabatan untuk meningkatkan taraf kemahiran pekerja industri dan juga untuk menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat, JTM menawarkan program atau kursus di dalam pelbagai bidang antaranya mekanikal, elektrik, ICT, elektronik dan sivil. Kursus jangka pendek ini berobjektif untuk menaik taraf kemahiran para peserta di samping mampu menjana pendapatan mereka. JTM sentiasa bersedia menyediakan laluan bagi menggalakkan peserta mendapatkan kemahiran baru, mahupun meningkatkan kemahiran sedia ada melalui kursus jangka pendek di ILJTM di seluruh negara.

“Kursus Jangka Pendek ini berobjektif untuk menaik taraf kemahiran para peserta di samping mampu menjana pendapatan mereka.”

Peningkatan kemahiran serta ilmu pengetahuan amat penting bagi meningkatkan daya saing tenaga mahir dalam sektor pekerjaan. Hal ini adalah bagi memastikan setiap pekerja kekal kompeten dan relevan dalam melaksanakan kerja-kerja, sejajar dengan perkembangan

teknologi yang sentiasa dinamik. JTM menerusi ILJTM, menyediakan peluang latihan kepada pekerja industri serta komuniti setempat untuk meningkatkan kemahiran sedia ada atau kemahiran baharu (upskilling & reskilling) melalui pelaksanaan kursus jangka pendek (KJP). Program KJP ini boleh diikuti di kesemua 32 buah ILJTM yang mana program tersebut ditawarkan pada hujung minggu dan di luar waktu pejabat (sehingga jam 11.00 malam).

Kaedah pelaksanaan KJP terbahagi kepada dua (2) iaitu kursus modular dan kursus customised. Kursus modular merujuk kepada kursus yang telah dirancang setiap tahun dengan kandungan dan tempoh latihan yang tetap. Manakala kursus customised pula merujuk kepada kursus yang digubal khas mengikut permintaan pelanggan daripada aspek kandungan, tempoh latihan serta jenis persijilan yang diperlukan sama ada secara perantisan, Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) atau Pentauliah Pencapaian Terdahulu (PPT). Selain itu, ILJTM juga melaksanakan seminar teknikal sebagai satu inisiatif untuk memberi pendedahan berkaitan sesuatu bidang kemahiran ataupun teknologi baharu.

Sedar akan peranan dan keperluan latihan peningkatan kemahiran dan latihan semula dalam memastikan tenaga kerja kekal relevan, JTM berusaha ke arah memperluaskan akses latihan melalui transformasi digital. Penyampaian latihan akan dilaksanakan secara dalam talian terutamanya komponen teori dan dilaksanakan secara hibrid bagi kursus yang memerlukan sesi bersemuka. Modul latihan secara interaktif turut akan dibangunkan mengikut kesesuaian dan permintaan. Di samping itu, bagi memantapkan pengurusan KJP, sebuah platform dalam talian iaitu e-KJP akan dibangunkan yang mana platform ini merangkumi proses permohonan, penawaran dan pembayaran. Kemudahan ini diharapkan dapat memberi akses kepada lebih ramai peserta industri untuk mengikuti latihan di ILJTM. Aplikasi e-KJP ini juga turut memuatkan aspek penilaian tahap kepuasan pelanggan sama ada peserta atau majikan dalam usaha untuk memastikan



Kursus Asas Semikonduktor Photolithography

11 Januari 2023 || ADTEC Taiping

Kursus Jangka Pendek Asas Semiconductor Photolithography anjuran Bahagian Teknologi Mikroelektronik ADTEC Taiping bersama pelajar School of Mechanical Engineering Universiti Sains Malaysia telah diadakan pada 7/1/2023 di Makmal Bersih Fabrikasi Bahagian Teknologi Mikroelektronik, ADTEC Taiping. Seramai 23 orang pelajar dan 3 orang pensyarah telah menghadiri kursus ini.

latihan yang diberikan memenuhi keperluan pelanggan dan penambahbaikan dapat dilakukan berdasarkan maklum balas yang diterima dari semasa ke semasa. Dengan adanya aplikasi digital seperti e-KJP, JTM berharap satu kajian pengesanan terhadap peningkatan kompetensi serta kemajuan kerjaya peserta selepas mengikuti kursus di ILJTM dapat dilaksanakan. Jalinan kerjasama dengan industri dapat



Kursus Mesin CNC EDM

16 Januari 2023 || ADTEC Jerantut

Para pelajar dan guru pengiring dari Kolej Vokasional Tanah Merah telah menghadiri Kursus Jangka Pendek secara customised di ADTEC Jerantut pada 13 hingga 14 Januari 2023. Pelajar-pelajar ini telah didedahkan kepada proses pembuatan secara pemesinan menggunakan Mesin CNC EDM. Ia bagi proses pembuatan secara Die Sinking dengan keupayaan Electrical Discharge Machining (EDM). Bagi program kursus ini, sejumlah 26 pelajar dan 3 orang guru pengiring telah terlibat.



Kursus Casting And Moulding Technology

19 Januari 2023 || ILP Ipoh

Tujuan program latihan ini adalah bagi menambahkan ilmu pengetahuan para pelajar dan pensyarah Universiti Pendidikan Sultan Idris Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif dalam bidang Teknologi Foundri. Program latihan yang komprehensif ini telah dirangkakan sedemikian bagi membolehkan setiap peserta mendapat pendedahan yang sebenarnya bagaimana proses pengajaran dan pembelajaran di bengkel Teknologi Foundri Institut Latihan Perindustrian Ipoh.

Dalam kursus ini peserta akan mengikuti demo pembelajaran teori dan amali untuk memberi kefahaman dan kemahiran berkaitan lima proses asas teknologi Foundri iaitu Pattern making, Investment casting, Spin casting process, Moulding process dan Melting process



Kursus Metal Based Product Design

3 Februari 2023 || ILP Pedas

Perkongsian peserta Kursus TVET Digital - Metal based Product Design yang telah dijalankan pada 2 Februari 2023.

“JTM menerusi ILJTM, menyediakan peluang latihan kepada pekerja industri serta komuniti setempat untuk meningkatkan kemahiran sedia ada atau kemahiran baharu (upskilling & reskilling) melalui pelaksanaan Kursus Jangka Pendek (KJP)”



Kursus Upskilling Welder & Fabricator

16 Februari 2023 || ILP Kuantan

Syarikat Jauhari Permai Engineering, salah sebuah syarikat rakan industri ILP Kuantan telah menghantar seramai 4 orang kakitangan teknikal mereka bagi mengikuti Kursus Jangka Pendek di ILP Kuantan yang diadakan pada setiap hari Sabtu & Ahad (2 kali sebulan) bermula pada 28 dan 29 Januari yang lalu dan akan berakhir pada 11 & 12 Mac akan datang.

Kursus 'Upskilling Welder & Fabricator' yang dirangka khas untuk pekerja syarikat berkenaan terbahagi kepada dua kaedah iaitu pembelajaran teori dan latihan praktikal (amali).

Gambar: Kursus Pattern Development (Radial Line Method) iaitu membuat 'cone & pyramid hopper' yang berlangsung pada 11 & 12 Februari lepas kendalian pengajar pakar Teknologi Fabrikasi Struktur Logam (Minyak & Gas), En.Ahmad Amri bin Mahmud Rezali.



Kursus Basic Troubleshooting Automotive Scantool

17 Februari 2023 || ILP Kota Kinabalu

Kursus ringkas pengenalan kepada Basic Troubleshooting : Automotive Scantool telah disampaikan oleh Ts. Stevenson Guramun, Ketua Jabatan Mekanikal ILP Kota Kinabalu di Bengkel Teknologi Automotif. Kursus pengenalan tersebut mendapat sambutan hangat dan menarik minat terutama daripada pomen - pomen bengkel automotif dan komuniti setempat yang berminat dengan automotif.

Dalam kursus pengenalan ini, peserta didedahkan dengan langkah - langkah pemasangan Scantool dan menghubungkan ke ECU di kenderaan. Peserta turut didedahkan dengan basic code error dan mengenalpasti punca - punca kerosakan kenderaan terbabit.

memberi peluang kepada tenaga pengajar untuk meningkatkan kemahiran dan ilmu pengetahuan sesuai dengan perkembangan semasa industri. Selain daripada perkongsian kepakaran, kerjasama strategik turut berupaya memberikan manfaat kepada industri dalam membangunkan kemahiran khusus yang diperlukan. Oleh itu, bagi memperluaskan pelaksanaan program sebegini, kerjasama dengan pembiaya dana seperti Human Resource Development Corporation (HRD Corp) dan Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera perlu dipertingkatkan bagi menarik minat lebih ramai pekerja industri untuk mengikuti latihan di ILJTM dan seterusnya mencapai sasaran untuk melatih 10,000 orang peserta dalam tempoh setahun.

Antara usaha yang dilakukan oleh JTM mulai tahun 2020 adalah memperkenalkan Sijil peningkatan Kemahiran yang menyatakan komponen kompetensi yang diikuti oleh peserta

bagi menggantikan Sijil Kehadiran. Inisiatif ini disambut baik oleh pihak industri dan ia menunjukkan komitmen JTM untuk memastikan kursus-kursus yang ditawarkan mempunyai nilai tambah terutama kepada peserta. Usaha ini juga membolehkan para peserta untuk memperoleh Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) melalui kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT).

JTM turut mempergiatkan penawaran program latihan berasaskan Pensijilan Profesional seperti pensijilan Suruhanjaya Tenaga, Cisco Certified Network Associated (CCNA) dan Welder Qualification Test (WQT). Dalam usaha untuk terus mengembangkan pembangunan kemahiran tenaga kerja mahir negara, JTM telah mengenal pasti beberapa bidang baru untuk ditawarkan



Kursus Electrical Building Automation System Installation (KNX Basic Certified)

20 Februari 2023 || ILP Pasir Gudang

Kursus yang dijalankan pada 6 - 19 Februari 2023 ini telah disertai oleh 20 orang peserta terdiri daripada alumni ILP Pasir Gudang dan ILP Mersing. Peserta didedahkan dengan teknologi baru ke arah Revolusi Industri 4.0 dalam sistem automasi bangunan di mana kawalan aksesori dan peralatan elektrik dikawal secara automatik.

Kursus usahasama bersama KNX Center iaitu Seikou System Sdn. Bhd. dengan tenaga pengajar dari Seikou System, Mr. Rajesh Sunkari telah memberi pendedahan berkaitan dengan topik-topik seperti KNX System Arguments, KNX Communication, KNX TPI Topology, KNX Bus Devices, KNX TPI Installation, KNX ETS5 programming dan commissioning & diagnostic kepada peserta-peserta.

Selain mempelajari teori dan amali, peserta juga perlu menduduki peperiksaan dan lulus peperiksaan tersebut bagi melayakkan peserta mendapat sijil profesional (KNX Basic Certified) dan pensijilan dari JPK bagi Modul Electrical Building Automation System Installation.



Kursus Design Using Inventor Pro

20 Februari 2023 || ILP Pasir Gudang

Bahagian Teknologi Rekabentuk Produk Industri telah menganjurkan program secara percuma pada 19 Februari 2023, iaitu TVET Digital Design Using Inventor dan program ini telah disertai oleh 13 orang peserta yang terdiri daripada orang awam. Program ini dijalankan secara bersemuka di ILP Pasir Gudang dan disampaikan oleh pengajar pakar, Encik Wahid bin Sabtu.

Pengajaran yang disampaikan adalah merangkumi aspek teori dan amali berkaitan proses penghasilan lukisan 3D menggunakan perisian Inventor Pro. Program ini telah mencapai objektifnya yang bertujuan memberi kemahiran asas kepada peserta di dalam menghasilkan model 3D dan lukisan teknikal 2D dengan menggunakan perisian Autodesk Inventor Pro.



Introduction To Visual Welding Inspection

20 Februari 2023 || ADTEC Batu Pahat

Seramai 433 orang peserta telah turut serta di dalam perkongsian yang disampaikan oleh En. Azrul Hisam bin Abd. Aziz daripada Bahagian Teknologi Kimpalan ADTEC Batu Pahat. Peserta didedahkan kepada teknik pemeriksaan kimpalan secara visual dan peluang kerjaya di dalam bidang tersebut.

Sesi webinar ini mendapat maklumbalas yang sangat positif dan ramai peserta yang ingin mengambil persijilan professional berkaitan bidang tersebut.



Kursus Jom Pasang Sendiri CCTV

22 Februari 2023 || ILP Marang

Kursus "Jom Pasang Sendiri CCTV" telah diadakan di Bengkel Mekatronik, ILP Marang bermula jam 8.30 pagi sehingga 1.00 tengahari. Kursus ini disampaikan oleh wakil pengajar Mekatronik iaitu Encik Efi Nasyar bin Mohd Noor dan disertai oleh 30 orang peserta dari komuniti.



Kursus Asas 2D

22 Februari 2023 || ILP Marang

Telah diadakan Kursus Asas 2D di Bengkel Teknologi Minyak & Gas, ILP Marang bermula jam 8.30 pagi sehingga 1.00 tengahari. Kursus ini disampaikan oleh wakil pengajar Teknologi Minyak & Gas iaitu Encik Ahmad Faiz bin Che Haron dan disertai oleh 29 orang peserta dari komuniti.



Kursus Skills In Oil & Gas (SOGA)

22 Februari 2023 || ILP Pasir Gudang

Seramai 40 orang peserta telah melapor diri bagi mengikuti Kursus 6G Gas Tungsten Arc Welding (GTAW) dan 3G/ 4G Flux Core Arc Welding (FCAW) di Bengkel Kimpalan ILP Pasir Gudang pada 20 Februari 2023. Kursus yang akan berlangsung selama 15 hari ini adalah program yang diperkenalkan oleh Johor Petroleum Development Corporation Berhad (JPDC) dengan usahasama antara ILP Pasir Gudang dan majikan Malaysia Marine and Heavy Engineering (MMHE)

JPDC sebagai penaja kepada program ini akan membiayai peserta-peserta yang layak dan memenuhi kriteria sahaja. Peserta-peserta yang berjaya menamatkan latihan dan lulus Welder Qualification Test (WQT) akan terus diambil bekerja dengan MMHE. Kursus akan diadakan sebanyak 4 Siri dan Siri ke 4 akan berakhir pada 20 April 2023.



Kursus Asas Penjagaan Kenderaan Bagi Pemandu

22 Februari 2023 || ILP Arumugam Pillai Nibong Tebal

Pada hari ini, satu kursus jangka pendek atas talian yang bertajuk Asas Penjagaan Kenderaan Bagi Pemandu telah dilaksanakan khas untuk kakitangan Jabatan Imigresen Malaysia Pulau Pinang.

Para peserta dari jabatan berkenaan telah bersiaran secara atas talian di Bilik Mesyuarat Teratai, Pejabat Imigresen Seberang Jaya Pulau Pinang.

Kursus yang telah disertai oleh 30 orang kakitangan ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para peserta berkenaan asas penjagaan kenderaan terutamanya kenderaan jabatan.

Para peserta yang terdiri daripada pemandu kenderaan jabatan dan pegawai yang menguruskan kenderaan jabatan ini diberi pendedahan dan pengetahuan secara teori melalui platform Google Meet.



Kursus Transfer Of Technology

23 Februari 2023 || ILP Marang

Telah diadakan Kursus Transfer Of Technology (TOT) untuk Pentauliah Peralatan Latihan bagi Program Modernizing Workshop Bidang ICT yang bertempat di Bilik Seminar, ILP Marang bermula jam 9.00 pagi sehingga 5.00 petang. Kursus ini disampaikan oleh wakil Syarikat Statworks Technology Sdn Bhd iaitu Encik Muhammad Hafizuddin bin Zuber dan disertai oleh 40 orang peserta yang terdiri dari kakitangan ILP Marang.



Kursus Basic Poster Using Canva

24 Februari 2023 || ILP Pasir Gudang

Kursus TVETDigital - Basic Poster Using Canva telah dijalankan pada 23 Februari 2023 secara percuma anjuran Bahagian Teknologi Elektronik Industri, ILP Pasir Gudang. Program ini telah dijalankan secara bersemuka dengan 13 orang peserta yang terdiri daripada orang awam.

Kursus ini merangkumi aspek teori dan amali dan telah disampaikan oleh pengajar pakar iaitu Tc. Mohd Azri Fahmy bin Azman. Peserta telah diberi pengetahuan dan kemahiran bagaimana untuk menghasilkan poster-poster bagi tujuan mempromosikan produk, kad undangan, brochure dan bahan reka grafik yang lain.

Dengan menyertai kursus ini, peserta dapat menambah pengetahuan dan kemahiran dalam menggunakan aplikasi Canva yang disediakan secara percuma di Internet bagi penghasilan bahan reka grafik dengan cara lebih mudah dan hasil yang menarik.



Webinar Google Forms Made Easy

28 Februari 2023 || ILP Pasir Gudang

Webinar TVETDigital : Google Forms Made Easy telah diadakan pada 27 Februari 2023 (Isnin) secara dalam talian menggunakan medium Google Meet. Kursus ini telah berlangsung pada 10.00 pagi hingga 12.30 tengahari dengan En Hairul Azwani bin Aziman, Pegawai BPSM ILPPG sebagai Coordinator Webinar. Langkah pembangunan borang digital & penghasilan sijil digital telah ditunjukkan secara real-time & hands-on menggunakan aplikasi Google Forms. Peserta juga dibekalkan dengan nota slide yang dikongsi selepas kursus.

Tujuan kursus ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran peserta dalam penggunaan aplikasi google Forms. Antara topik kursus yang disentuh adalah cara membangunkan borang digital, jenis-jenis soalan, memasukkan text, image & video, cara memasukkan link & embed, collaboration dan cara untuk kongsi link borang digital.

Sebagai nilai tambah kepada kursus, peserta juga didedahkan dengan cara penghasilan sijil digital menggunakan Add-Ons Autocrat & Certify'em. Peserta kursus terdiri daripada 74 orang peserta yang mendaftar dikalangan orang awam, pekerja swasta, penjawat awam & bekerja sendiri. Pihak BPSM ILP Pasir Gudang sangat komited bersama-sama dalam perkongsian ilmu dan kepakaran kepada semua lapisan masyarakat.

dalam tempoh lima tahun akan datang. Antara bidang yang telah dikenal pasti adalah Keselamatan Siber (cybersecurity), Teknologi Dron, Telekomunikasi 5G, Pembuatan Termaju (Advanced Manufacturing), Teknologi Nano, Sains Data (Data Science), Reality Terimbuh (Augmented Reality) dan Reality Maya (Virtual Reality).

Menyedari tentang pentingnya meningkatkan potensi individu dan memajukan negara, Jabatan Tenaga Manusia telah menawarkan kursus jangka pendek dalam pelbagai bidang terutamanya bidang kejuruteraan dan teknikal di 32 buah ILJTM. Kursus Jangka Pendek (KJP) adalah merupakan satu inisiatif jabatan untuk meningkatkan dan memampakan kemahiran tenaga kerja mahir dalam sektor pekerjaan. Ini juga menyahut

gagasan pertubuhan buruh antarabangsa (ILO) untuk menjadikan pembelajaran sepanjang hidup terus disemai di Malaysia.

Mengikut statistik sehingga bulan Oktober tahun 2023 seramai 74,963 peserta telah menyertai KJP yang dianjurkan oleh JTM. Penyertaan peserta kursus tahun 2023 adalah meningkat dari tahun 2022 iaitu sebanyak 20,954 orang dan pada tahun 2021 iaitu sebanyak 8,584 orang. Indikator ini sangat jelas menunjukkan bahawa KJP ILJTM semakin mendapat sambutan dan sudah mula mendapat tempat di kalangan pemain industri.




Kursus Industrial Instrumentation & Control Operation And Maintenance

28 Februari 2023 || ILP Pasir Gudang

Bahagian Teknologi Instrumen Perindustrian telah menganjurkan Kursus Jangka Pendek Industrial Instrumentation & Control Operation and Maintenance - Level 3 (3 September 2022 hingga 25 Februari 2023) setiap Sabtu dari 8 pagi hingga 5 petang. Seramai 16 orang peserta yang terdiri daripada pekerja industri telah menyertai kursus tersebut. Kursus ini dijalankan di Bengkel Teknologi Instrumen Perindustrian, ILP Pasir Gudang dan disampaikan oleh tenaga pengajar yang terdiri daripada En. Mohd Hisham, Pn. Noorzilah, En. Wan Nazli, Pn. Suzana, Pn. Nor Haslinda, En. Ramli dan Pn. Eunice.

Topik kursus termasuk Instrumentation & Control Safety Application, Instrumentation & Control Operation, Instrumentation & Control Pre-commissioning Preparation, Instrumentation & Control Maintenance & Troubleshooting, Instrument Verification and Calibration, Control System Configuration, Instrumentation & Control Supervision. Kursus ini telah berjaya mencapai objektifnya yang bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran peserta dalam bidang Instrumen.



Webinar Creating Google Form


2 Mac 2023 || ILP Labuan

Pada tarikh tersebut termaktub sudah kursus webinar berkaitan yang telah disampaikan dengan santai dan sangat cemerlang oleh Cik Dorestey Sindam (Tenaga Pengajar di Bahagian Teknologi Penyelenggaraan Mekanikal, ILP Labuan).

Jumlah penonton melebihi angka 100 yang terdiri dari pelbagai latar belakang, kaum dan jantina memeriahkan sesi perkongsian ilmu.

Peserta kursus yang meliputi pelbagai profesion setia mendengar dan berinteraksi selama hampir 3 jam membolehkan matlamat penyampaian ilmu teknikal tersebut tercapai.

Hasrat kerajaan dalam menerapkan #TVETDIGITAL dengan memperkenalkan pelbagai pautan program berkaitan dijangka sedikit sebanyak mampu membantu masyarakat cakna kemahiran, disamping dapat menambah ilmu serta pendapatan.



Kursus 2D & 3D Modelling Using Autodesk Inventor

2 Mac 2023 || ILP Tangkak

Bahagian Teknologi CADD Mekanikal (Pembuatan) ILP Tangkak telah mengadakan kursus 2D & 3D Modelling using Autodesk Inventor kepada 22 orang peserta yang terdiri daripada tenaga pengajar dan pelajar daripada Giatmara Muar.

Kursus ini dianjurkan bagi memberikan latihan kemahiran penghasilan lukisan 2D dan 3D dengan menggunakan perisian lukisan kejuruteraan.

“ Sasaran yang ditetapkan ialah seramai 3200 orang peserta dalam kalangan komuniti dan pencari kerja dilatih dalam bidang berkaitan pendigitalan dan teknologi industri 4.0. Sehingga 26 Feb. 2023, seramai 7,527 orang peserta telah berjaya dilatih melalui 138 kursus yang dianjurkan oleh 32 ILJTM di seluruh negara. ”



PENCAPAIAN KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KURSUS PENINGKATAN DAN LATIH SEMULA DIGITAL TENAGA KERJA (TVETDIGITAL)

Menawarkan kursus kemahiran berdasarkan digital dan teknologi Industrial Revolution 4.0 (IR4.0) kepada tenaga kerja bertempat di 32 Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) bagi meningkatkan tahap produktiviti pekerja melalu aplikasi teknologi teknikal selain meningkatkan tahap kesediaan industri untuk mengadaptasi teknologi IR4.0

Agensi Pelaksana : **Jabatan Tenaga Manusia**
 Sasaran : **3,200 peserta**
 Pencapaian : **13,144 peserta**
 Peratus Pencapaian : **410.75%**



Diterbitkan oleh

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA,
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

www.mohr.gov.my

03 8886 5000

ukkgp@mohr.gov.my



“ Idea ini berasal dari konsep “The First 100 Days” yang pertama kali diperkenalkan oleh Presiden Amerika Syarikat, Franklin D. Roosevelt pada tahun 1933, yang bertujuan untuk menunjukkan komitmen, inisiatif, dan keupayaan seorang pemimpin baru dalam menghadapi cabaran-cabaran yang ada. ”

Quick Win KPI (Indikator Prestasi Utama) 100 Hari Menteri merujuk kepada strategi atau rancangan kerja yang dirangka oleh Jabatan dan Kementerian untuk mendapatkan hasil yang cepat dan signifikan dalam tempoh 100 hari selepas seseorang menjadi menteri atau menduduki jawatan pemerintahan tertentu. Idea ini berasal dari konsep “The First 100 Days” yang pertama kali diperkenalkan oleh Presiden Amerika Syarikat,



Webinar Pengenalan Kepada Vacuum Forming Kit With IOT Dan Cara Pengendalian

9 Mac 2023 || ILP Tangkak

Webinar Pengenalan Kepada Vacuum Forming Kit With IOT Dan Cara Pengendalian. Penyampai Pn. Wan Noor Azrina binti Wan Azhari (Ketua Bahagian Teknologi Plastik)

Franklin D. Roosevelt pada tahun 1933, yang bertujuan untuk menunjukkan komitmen, inisiatif, dan keupayaan seorang pemimpin baru dalam menghadapi cabaran-cabaran yang ada.

Quick Win KPI 100 hari adalah bertujuan untuk mencipta momentum positif dengan mencapai beberapa sasaran awal yang spesifik dan nyata dalam waktu singkat yang boleh menyokong kejayaan inisiatif jangka panjang yang dirancang. Dengan tumpuan pada beberapa KPI utama untuk dicapai dalam 100 hari, menteri dan agensi-agensi di bawah Kementerian boleh menetapkan prioriti yang jelas dan mengagihkan sumber dengan lebih efisien. Quick wins boleh menunjukkan kepada orang ramai bahawa menteri mempunyai komitmen yang teguh untuk melakukan reformasi dan perubahan yang diperlukan.




Webinar Peluang & Cabaran Kerjaya Industri Jana Kuasa (Power Plant)

9 Mac 2023 || ILP Kepala Batas

Institut Latihan Perindustrian Kepala Batas, Pulau Pinang telah mengadakan webinar teknikal bertajuk 'Peluang & Cabaran Kerjaya Industri Jana Kuasa (Power Plant)'. Webinar ini adalah salah satu program di bawah Program Inisiatif 100 hari YB Menteri Sumber Manusia secara atas talian yang dipancarkan secara langsung melalui platform google meet.

Webinar Peluang & Cabaran Kerjaya Industri Jana Kuasa (Power Plant) ini dikendalikan oleh Bahagian Instrumen (Kawalan Proses) ILPKBPP. Moderator bagi webinar ini ialah Ketua Bahagian Instrumen (Kawalan Proses) iaitu En Saad bin Din. Manakala panel bagi webinar ini ialah En. Mohamad Fauzi Bin Adnan daripada PRPC UF Sdn Bhd dan En. Mohamad Fadzli Bin Adnan daripada Rotary MEC Sdn Bhd yang merupakan alumni Bahagian Instrumen (Kawalan Proses) ILPKBPP.

Perbincangan dalam webinar ini menjurus kepada prospek kerjaya secara umumnya dalam bidang instrumen serta cabaran dalam industri jana kuasa (power plant). Panel juga telah berkongsi ilmu teknikal berkaitan bidang kerja mereka kepada para peserta. Webinar ini telah dihadiri hampir 400 orang peserta yang terdiri daripada pensyarah dan pelajar IPTA, IPTS dan Institusi TVET seluruh Malaysia serta pelajar Sekolah Menengah berdekatan ILPKBPP.



Webinar Pengenalan Kepada Analisis Statik Struktur Menggunakan Autodesk Inventor

9 Mac 2023 || ILP Tangkak

Webinar Pengenalan Kepada Analisis Statik Struktur menggunakan Autodesk Inventor. Penyampai En. Muhammad Zulfahmi bin Aripin (Ketua Bahagian Teknologi CADD Mekanikal Pembuatan).



Kursus Penggunaan Asas Perisian Autodesk Inventor

15 Mac 2023 || ILP Ipoh

14 Mac 2023, Selasa || Bahagian Teknologi CADD Mekanikal (Pembuatan) telah melaksanakan kursus secara percuma (bersemuka) yang bertajuk "Penggunaan Asas Perisian Autodesk Inventor". Penceramah, En Mohd Haiqal Karim bin Nordin merupakan pengajar pakar dalam bidang CADD telah dilantik sebagai penceramah bagi sesi kursus pada kali ini. Seramai 10 orang peserta kursus telah hadir dan menyertai sepenuhnya kursus ini. Semoga perkongsian kursus ini dapat memberikan manfaat kepada semua peserta khususnya dalam bidang CADD.



Kursus Microsoft Excel (Beginner)

15 Mac 2023 || ILP Tangkak

13 Mac 2023 - Bahagian Khidmat Sokongan Kerjaya dan Komuniti (CESS) telah melaksanakan Kursus Microsoft Excel (Beginner) sempena Program TVET Digital 100 hari YG Menteri di Makmal Komputer, Teknologi Komputer (Rangkaian) ILP Tangkak.

Kursus ini disampaikan oleh Puan Noorazlina Binti Musa dan Puan Rashidah Binti Jamaludin kepada 15 orang peserta dari Institusi Pendidikan Islam Swasta (IPIS) Daerah Tangkak yang terdiri daripada Maahad dan Madrasah Tahfiz termasuk Sekolah Rendah Islam, Sekolah Rendah Agama serta Pegawai Pendidikan Islam Daerah Tangkak.

“ Jabatan Tenaga Manusia telah memperkenalkan Program Kursus Jangka Pendek (KJP) TVET Digital sebagai salah satu inisiatif Quick Win KPI 100 Hari Menteri yang menunjukkan kesungguhan kerajaan dalam meningkatkan kualiti sumber manusia dan rakyat ”

Dalam praktiknya, Quick Win KPI 100 Hari Menteri melibatkan pelbagai inisiatif atau tindakan yang direka untuk mengatasi masalah atau cabaran tertentu dalam bidang tertentu seperti ekonomi, pendidikan dan lain-lain. Penilaian dan pengukuran kemajuan terhadap KPI tersebut adalah penting untuk memastikan bahawa objektif tersebut dapat dicapai dengan berkesan dan efisien dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Sehubungan itu, Jabatan Tenaga Manusia telah memperkenalkan Program Kursus Jangka Pendek (KJP) TVET Digital sebagai salah satu inisiatif Quick Win KPI 100 Hari Menteri yang menunjukkan kesungguhan kerajaan dalam meningkatkan kualiti sumber manusia dan rakyat dalam meningkatkan taraf hidup serta pendapatan melalui peningkatan atau penambahan tahap kemahiran dan kualiti pekerjaan yang lebih mampan.



Kursus Asas IOT Menggunakan ESP8266 Arduino IDE Dan Aplikasi BLYNK

15 Mac 2023 || ADTEC Batu Pahat

Seramai 21 orang pelajar semester 4 program Diploma Teknologi Komputer Rangkaian telah menghadiri Kursus Jangka Pendek Asas IOT Menggunakan ESP8266, Arduino IDE dan Aplikasi BLYNK Siri 1 pada 12 dan 13 Mac 2023.

Kursus dua hari anjuran Bahagian Teknologi Mekatronik ini dikendalikan oleh pengajar pakar, Encik Abdul Rahim bin Kasiman. Diharapkan menerusi pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari memberi manfaat dan menjadikan mereka lebih relevan dalam dunia pekerjaan.

“TVET Digital” merujuk kepada pendekatan dalam Pendidikan dan Latihan Vokasional dan Teknik (TVET) yang menggabungkan teknologi digital dalam proses pembelajaran dan latihan. Konsep ini melibatkan penggunaan teknologi seperti platform pembelajaran dalam talian, simulasi maya, aplikasi interaktif, dan alat digital lain untuk meningkatkan pengalaman peserta didik, sekali gus mempersiapkan mereka dengan keterampilan yang relevan dengan keperluan pasaran kerja yang semakin digital.

Melalui TVET Digital, peserta kursus dapat memahami teknologi terkini, mengembangkan keterampilan praktikal, dan memperoleh pengalaman yang memperkukuhkan kemahiran yang dimiliki yang disesuaikan mengikut kurikulum TVET dan keperluan pasaran kerja yang berubah secara dinamik.

Program Kolaborasi Strategik



Certification of Service Technicians Program

15 Mac 2023 || ILP Kuala Lumpur

Aktiviti Kursus Jangka Pendek (KJP) bagi Bengkel Teknologi Penyejukbekuan dan Penyamanan Udara (RAC) yang berlangsung dari 11 - 12 Mac 2023. Antara tajuk-tajuk kursus yang berjaya dijalankan iaitu *Single Phase Air-Conditioning Equipment Installation* dan *Certification of Service Technicians Program (CSTP)*.

Kerjasama dan kolaborasi dengan industri bukan hanya dapat menjaga kualiti dalam memastikan sumber tenaga mahir berasaskan kemahiran mencukupi di pasaran buruh, malah dapat menjadi penghubung dalam memberi maklumbalas dan input berkaitan keperluan bidang, perkongsian pintar dan cost-sharing. Secara tidak langsung keperluan tersebut dapat diadaptasi dan disuaipadan dalam membangunkan kurikulum yang mampan dan seterusnya membangun tenaga kerja yang lebih kompeten dan berdaya saing.

“JTM telah menjalin kerjasama dengan industri dan badan berkepentingan dalam mendukung hasrat dalam memartabatkan TVET bagi menghasilkan keluaran industry-driven”



Kursus Penjaga Jentera Elektrik

14 Mac 2023 || ILP Kuala Lumpur

Aktiviti Kursus Jangka Pendek (KJP) bagi Bengkel Teknologi Elektrikal telah dilaksanakan iaitu Penjaga Jentera Elektrik yang berlangsung dari 11 - 12 Mac 2023. Berikut Senarai Kursus yang berjaya dijalankan iaitu Pendawai 1 Fasa & Endorsan Pengujian (PW2), Penjaga Jentera Elektrik A0 dan Low Voltage Main Switch Board Installation And Maintenance.



Kursus Air Conditioning (Split Unit) Maintenance, Troubleshooting & Repair

16 Mac 2023 || ILP Sandakan

Kursus Jangka Pendek (KJP) Air Conditioning (Split Unit) Maintenance (ACM 01) & Air Conditioning (Split Unit) Troubleshooting & Repair (ACT 02) adalah inisiatif pihak ILP Sandakan dalam menganjur dan menyediakan pembelajaran sepanjang hayat dalam pembangunan komuniti berpengetahuan. Selain itu, matlamat utama KJP dijalankan adalah menyediakan latihan untuk meningkatkan kemahiran dan melatih semula untuk keperluan tenaga kerja setempat.

ILP Sandakan melalui Bengkel Teknologi Penyejukbekuan dan Penyamanan Udara (TPPU) telah berjaya menjalankan satu Kursus Jangka Pendek berkenaan Air Conditioning (Split Unit) Maintenance (ACM 01) & Air Conditioning (Split Unit) Troubleshooting & Repair (ACT 02) pada 4 Mac 2023 hingga 5 Mac 2023. Kursus terbabit disertai oleh 3 kakitangan Tenaga Nasional Berhad (TNB) bagi memberi nilai tambah atau re-skilling kepada 3 kakitangan mereka dalam menjalankan tugas hakiki.

Kursus tersebut dijalankan dengan menggunakan kepakaran dua tenaga pengajar Bengkel Teknologi Penyejukbekuan dan Penyamanan Udara, ILP Sandakan iaitu En. Ahmad Fadhlullah Bin Rusaidi dan En. Mohd Faiz Fathullah Bin Ali Hassan bersama 4 orang Pelatih TPPU, ILP Sandakan.

JTM telah menjalin kerjasama dengan industri dan badan berkepentingan dalam mendukung hasrat dalam memartabatkan TVET bagi menghasilkan keluaran industry-driven bagi meningkatkan keboleherjaan dan memaksimumkan sumber yang ada.



Kursus Residential Air Conditioning Cleaning

16 Mac 2023 || ADTEC Batu Pahat

Seramai 15 orang pelajar semester 5B Bahagian Teknologi Mekatronik telah menyertai Kursus Jangka Pendek Residential Air-Conditioning Cleaning Siri 2 yang dijalankan pada 12 dan 13 Mac 2023 di Daikin Academy, ADTEC Batu Pahat. Kursus dua hari ini dikendalikan oleh tenaga pengajar, Encik Mohd Fadzlisyam bin Sairan. Ilmu dan kemahiran yang dipelajari menjadi nilai tambah meningkatkan daya saing dalam pasaran kerja.

“Penglibatan pihak industri dalam latihan TVET adalah sangat penting dan diperlukan bagi memastikan latihan yang dijalankan adalah sesuai dengan keperluan industri dan mengikut perkembangan teknologi semasa.”



Kursus Customised Basic Tensile Test & Introduction To Hardness Test

16 Mac 2023 || ADTEC Bintulu

Seramai 23 orang peserta daripada Kolej Vokasional Miri telah menghadiri Kursus Basic Tensile Test dan Kursus Introduction To Hardness Test yang telah dijalankan selama dua hari bertempat di Bengkel Teknologi Kimpalan ADTEC Bintulu.



Kursus Asas Pembuatan Corak

18 Mac 2023 || ILP Ipoh

13 hingga 17 Mac 2023, Bahagian Teknologi Foundri, Jabatan Mekanikal Pengeluaran telah melaksanakan kursus jangka pendek (KJP) kepada pihak syarikat AA Technologies Sdn Bhd yang bertajuk "Asas Pembuatan Corak" dalam bidang foundri. Kursus ini telah dihadiri seramai 10 orang peserta daripada syarikat berkenaan.



Kursus Bersama Industri

22 Mac 2023 || ADTEC Jerantut

Pada 18 sehingga 19 Mac 2023 yang lalu, Bengkel Pembuatan bersama Pakar Mesin Konvensional, En. Azani daripada Unit BPPA telah berjaya melaksanakan KJP bersama pihak industri. Kursus Asas Pengendalian Mesin Larik Konvensional ini melibatkan 2 orang pekerja kilang Classic Palm Oil Sdn Bhd dari Negeri Sembilan. Kursus ini bertujuan melatih pekerja industri untuk mengendalikan mesin larik konvensional dengan cara yang lebih cekap dan efisien. Para pekerja juga ditunjukkan dengan kaedah penghasilan dan pemotongan bebenang pada shaft benda kerja.



Kursus Penyelenggaraan Pendawaian Elektrik 1 Fasa

21 Mac 2023 || ILP Labuan

20 peserta telah mengikuti kursus berkaitan yang bermula dengan kelas teori dan berakhir dengan sesi amali (mengesan kerosakan dalam sistem pendawaian elektrik). 3 syarikat iaitu International Shipcare, PJS Marine Services Sdn Bhd dan Wilhelmsen Ship Management Sdn Bhd digabungkan bersama sama untuk menyertai kursus sebagai sebahagian persiapan dan ilmu tambahan yang boleh digunapakai di tempat kerja.

Tenaga pengajar pakar dari Bahagian Teknologi Elektrik iaitu En Hamdan Bin Hassan dan En. Hamzah Bin Hasfa meluangkan masa menyampaikan ilmu pengetahuan dan teknik berguna semasa "hands on" amali kepada semua peserta kursus. Semua peserta kursus diberikan Sijil Peningkatan Kemahiran dan boleh digunapakai untuk penilaian pencapaian terdahulu (PPT) bagi mendapatkan SKM (Sijil Kemahiran Malaysia) kelak.



Kursus 3G 4G Welding + NDT Jadi Pilihan

22 Mac 2023 || ADTEC Jerantut

Kursus yang dibiayai oleh Dana Kompetitif dan Geran Padanan (CF) ini telah mendapat sambutan yang baik. Non-Destructive Testing atau NDT adalah kursus kemahiran yang memberikan impak yang tinggi kepada lulusan bidang Kimpalan kerana mereka berpeluang menjadi Welding Inspector atau lain-lain profesion yang berkaitan industri Kimpalan.

Program tambah nilai kursus KJP iaitu Authorized Entrant & Standby Person (AESP) kali ini melibatkan peserta kursus Kimpalan 3G 4G + NDT - Penetrant Testing bermula 20 Mac 2023 hingga 21 Mac 2023. Pakej kursus yang lengkap ini amat berguna kepada sejumlah 16 org peserta terlibat.



Kursus Asas STM32 Untuk Modul ESP Bagi WSMB Bidang Electronics

24 Mac 2023 || ADTEC Batu Pahat

Seramai 16 peserta terdiri daripada 3 pelajar ILP Pasir Gudang, 3 pelajar ADTEC Batu Pahat dan 10 pengajar ILJTM telah menghadiri Kursus Perkongsian Kemahiran bagi Asas STM32 untuk Modul ESP bagi WSMB bidang Electronics pada 21 dan 22 Mac 2023.

Kursus dua hari anjuran Bahagian Teknologi Mekatronik ini dikendalikan oleh pengajar pakar, Encik Abd Rahim bin Kasiman dan membincangkan tentang asas penggunaan microcontroller jenis STM32 bagi topik kawalan digital input dan output, external interrupt, timer interrupt, analog input dan beberapa teknik pengaturcaraan yang biasa digunakan dalam pertandingan WSMB dan WSMP.



Kursus Autotronic Sensors Inspection Technique

27 Mac 2023 || ADTEC Melaka


Kursus Autotronic Sensors Inspection Technique yang telah disampaikan dengan jayanya hasil kolaborasi Leng Kee Auto Academy dan ADTEC Melaka di Jun Performance Center Kuala Lumpur. Ts Ting Swee Keong turut terlibat sebagai tenaga pengajar untuk kursus yang berlangsung selama 2 hari. Kursus ini telah berjaya melibatkan Juruteknik Kereta seluruh Malaysia



Kursus Basic Tensile Test

27 Mac 2023 || ADTEC Bintulu

Seramai 75 orang peserta daripada Kolej Vokasional Bintulu telah menghadiri Kursus Basic Tensile Test yang telah dijalankan selama satu hari bertempat di Bengkel Teknologi Kimpalan ADTEC Bintulu.



E-Learning SMAW 3G Plate Vertical Up Process

10 April 2023 || ILP Tangkak

10 April 2023 Isnin, Pengajar Pakar Bahagian Teknologi Kimpalan, En. Suffian Bin Abu Bakar telah melaksanakan kursus jangka pendek (KJP) e-Learning bertajuk SMAW 3G Plate Vertical Up Process secara dalam talian yang telah dihadiri seramai 146 orang peserta.




Kursus Canva Tips + Tricks

11 April 2023 || ILP Mersing

Seramai 28 orang peserta telah menghadiri kursus ini. Pelbagai tips penggunaan Aplikasi Canva telah mereka perolehi untuk diaplikasikan dalam pekerjaan di bidang masing-masing. Kursus dilaksanakan dengan jayanya oleh pengajar iaitu Cik Norhafniza binti Mohamed dan En. Jaazli bin Haji Ahmad.

“Jalinan kerjasama strategik antara Jabatan Tenaga Manusia (JTM) dengan pihak luar, khususnya pihak industri merupakan salah satu agenda utama JTM”

JTM terus aktif mengadakan kerjasama dengan pihak industri memandangkan Malaysia telah memasuki era Revolusi Perindustrian ke-4 yang menyaksikan kemunculan pelbagai teknologi baharu.



E-Learning Fundamental Of GMAW Process

12 April 2023 || ILP Tangkak

Bahagian Teknologi Fabikasi Logam ILP Tangkak telah menjalankan e-Learning Fundamental Of Gas Metal Arc Welding (GMAW) Process secara dalam talian yang disampaikan oleh Pengajar Pakar Teknologi Fabrikasi Logam, Ts. Dr. Saiful Din bin Sabdin.



Kursus Basic Hydraulic

16 April 2023 || ILP Bukit Katil

Seramai 14 peserta terdiri daripada pelajar Tahun 2, DVM Teknologi Elektronik Kolej Vokasional Datuk Seri Mohd Zin telah menghadiri Kursus Jangka Pendek Basic Hydraulic. Pelajar ini telah diiringi oleh tiga orang pengajar iaitu Hj. Kassim Bin Mohd Yunos, En. Helmy Bin Abdul Halim dan Pn. Hajah Habibah Mohd Noor.

Kursus ini telah dikendalikan oleh En. Mohammad Hanafi Bin Abas tenaga pengajar dari Bengkel Teknologi Mekatronik, Institut Latihan Perindustrian Bukit Katil. Antara perkongsian ilmu yang diberikan iaitu Pengenalan Asas Hidraulik dan beberapa tugas latihan amali.



Kursus Introduction To Embedded Programming Using Nucleo-L053R8

2 Mei 2023 || ADTEC Batu Pahat

Seramai 8 peserta terdiri daripada 4 pelajar dan 4 pengajar GiatMARA telah menghadiri Kursus Introduction to Embedded Programming using Nucleo-L053R8 pada 29 April hingga 1 Mei 2023.

Kursus dua hari anjuran Bahagian Teknologi Mekatronik ini dikendalikan oleh pengajar pakar, Encik Abd Rahim bin Kasiman dan membincangkan tentang asas penggunaan microcontroller jenis STM32 bagi topik kawalan digital input dan output, external interrupt, timer interrupt, analog input dan beberapa teknik pengaturcaraan yang biasa digunakan dalam pertandingan WSMB dan WSMP.



Kursus Automotive Air Conditioning System (Intermediate Course)

3 Mei 2023 || ADTEC Melaka

Kursus Automotive Air Conditioning System (Intermediate Course) yang telah disampaikan dengan jayanya hasil kolaborasi Leng Kee Auto Academy dan ADTEC Melaka di Leng Kee Auto Academy. Ts Ting Swee Keong turut terlibat sebagai tenaga pengajar untuk kursus yang berlangsung selama 2 hari.



Kursus Perkongsian Kepakaran Bidang Drone

10 Mei 2023 || ADTEC Kemaman

Kursus Perkongsian Kepakaran Bidang Drone ADTEC Kemaman & Imtiaz Kemaman 2023 Siri 1 telah diadakan pada 9 Mei 2023 di Imtiaz Kemaman.

Kursus ini di sertai oleh 38 murid dari Kelab Avionik di bawah bimbingan guru kelab Ustaz Md Zakwan Arif bin Mohd Maidin.

Kursus ini bertujuan untuk persediaan pelajar-pelajar untuk menyertai Junior Skills Malaysia 2023 pada 26 - 28 Mei 2023.

Kursus ini disampaikan oleh Pakar Drone En Mohd Zaki bin Mohd Jaaffar dibantu oleh Pn Rafidah binti Robani.

Oleh itu, keperluan pendidikan dan latihan dalam TVET sangat penting dalam memastikan Malaysia mampu melahirkan tenaga kerja mahir yang dapat memenuhi keperluan industri negara. Penglibatan pihak industri dalam latihan TVET adalah sangat penting dan diperlukan bagi memastikan latihan yang dijalankan adalah sesuai dengan keperluan industri dan mengikut perkembangan teknologi semasa.

Jalinan kerjasama strategik antara Jabatan Tenaga Manusia (JTM) dengan pihak luar, khususnya pihak industri merupakan salah satu agenda utama JTM. Ini adalah kerana melalui hubungan rapat antara pihak-pihak dapat membantu Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) melahirkan lebih ramai graduan TVET atau lebih spesifik - bakal pekerja industri yang berkemahiran tinggi, holistik, berdaya saing serta kekal relevan dengan keperluan industri terkini yang sentiasa dinamik.

Kerjasama ini bukan sahaja memberikan impak yang signifikan kepada para pelatih melalui latihan upskilling dan reskilling, penempatan latihan industri dan pekerjaan, malah ia juga telah menyumbang kepada pembangunan tenaga pengajar ILJTM melalui latihan peningkatan kemahiran yang diiktiraf industri, latihan sangkutan industri serta penyelidikan dan pembangunan produk inovasi.



Kursus 5 Axis CNC Machining Operation Using DMG DMU 60

10 Mei 2023 || ADTEC Jerantut

Kursus 5 Axis CNC Machining Operation Using DMG DMU 60 ini telah berlangsung di Bengkel Teknologi Pembuatan selama lima hari. Kursus ini juga di bawah program pembangunan dan peningkatan kemahiran (PPK).

Kursus yang bertujuan untuk meningkatkan lagi ilmu pengetahuan tenaga pengajar khususnya pegawai di Bengkel Teknologi Pembuatan dalam bidang 5 Axis CNC Machining Operation Using DMG DMU 60.



National Training Week (NTW) 2023 adalah inisiatif Program Kursus Jangka Pendek KSM yang mendorong rakyat Malaysia meningkatkan kemahiran dan pengetahuan menerusi 10,000 latihan kemahiran yang disediakan dalam pelbagai bidang kemahiran insaniah dan teknikal secara percuma. NTW 2023 dilaksanakan oleh Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pendidikan Tinggi, Kementerian Kesihatan, Kementerian Belia dan Sukan serta banyak lagi agensi dan jabatan kerajaan yang lain. NTW merupakan usaha pertama seumpamanya di Malaysia. Walau masih baharu, Kementerian Sumber Manusia telahpun menetapkan beberapa matlamat. Inisiatif ini merupakan untuk menarik lebih 5,000 jurulatih dan kolaborator yang akan menyampaikan lebih 5,000 kursus latihan, melatih sehingga 125,000 peserta termasuk kanak-kanak dari peringkat pra-sekolah sehinggalah warga emas, merekodkan lebih 500,000 jam latihan, dan menyampaikan lebih RM250 juta dalam nilai latihan.

“NTW dilaksanakan oleh Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pendidikan Tinggi, Kementerian Kesihatan, Kementerian Belia dan Sukan serta banyak lagi agensi dan jabatan kerajaan lain”

Modal insan adalah sangat penting untuk menjana pembangunan ekonomi yang konsisten dan berterusan. Malaysia telah mengorak langkah penting dalam meningkatkan kualiti pendidikan, kemahiran dan latihan modal insan negara sepanjang 3 dekad yang lalu. Kini telah berjaya dilakukan menerusi usaha Kementerian Sumber Manusia, HRD Corp dan Jabatan Tenaga Manusia namun negara kita masih perlu menggalakkan bakat dan tenaga kerja untuk menghayati pembelajaran dan Pembangunan berterusan demi memperkukuh daya saing global negara untuk jangka panjang.



Kursus Additive Manufacturing Process

23 Mei 2023 || JMTI

Sempena National Training Week (NTW) Tahun 2023, telah diadakan kursus Additive Manufacturing Process bertempat di Makmal CAD/CAM Jabatan Teknologi Kejuruteraan Pembuatan JMTI. Pengajar Kursus oleh En. Mohd Rafizal bin Abd Rashid.



Kursus Basic Photography

23 Mei 2023 || ADTEC Batu Pahat

Seramai 14 orang peserta telah menyertai kursus tersebut yang dikendalikan oleh jurugambar berpengalaman En Mohd Hatta bin Awang dan di bantu oleh 2 orang staf HAP Studio.



Kursus IT Network Cabling (Copper)

23 Mei 2023 || ADTEC Batu Pahat

ADTEC Batu Pahat telah mengambil bahagian dalam National Training Week 2023 dengan menganjurkan kursus percuma IT Network Cabling (Copper). Seramai 17 orang peserta telah menyertai kursus tersebut yang dikendalikan oleh pensyarah berpengalaman Ts. Norhisham bin Mansor dan En. M. Hanafe bin Hashim dari Teknologi Komputer Rangkaian.



Kursus IT Network Cabling (Fiber Optik)

24 Mei 2023 || ADTEC Batu Pahat

ADTEC Batu Pahat telah mengambil bahagian dalam National Training Week 2023 dengan menganjurkan kursus percuma IT Network Cabling (Fiber Optic) dari Teknologi Komputer Rangkaian.



Kursus Effective Presentation Using Powerpoint

24 Mei 2023 || ADTEC Batu Pahat

ADTEC Batu Pahat telah mengambil bahagian dalam National Training Week 2023 dengan menganjurkan kursus percuma Effective Presentation Using PowerPoint. Seramai 12 orang peserta telah menyertai kursus tersebut yang dikendalikan oleh pensyarah berpengalaman Pn. Maslinda binti Hadinan dari unit Pusat Sumber dan Multimedia.



Kursus Pengenalan Asas Canva

24 Mei 2023 || ILP Sandakan

Satu sesi latihan berkenaan aplikasi Canva telah diadakan di ILP Sandakan bagi memberi pendedahan dan penggunaan kepada peserta peserta kursus Pengenalan Asas Canva.

Kursus tersebut hadir oleh barisan warga pendidik dari institusi awam dan swasta serta pegawai ICT agensi awam di sekitar Sandakan. Sesi latihan tersebut disampaikan oleh En. Nasri Kipple, Pen. Pegawai Tek. Maklumat; secara bersemuka yang meliputi teori dan amali penggunaan aplikasi Canva secara berkesan.

Kursus ini merupakan salah satu dari 10 kursus yang telah dianjurkan di ILP Sandakan bagi menyahut seruan kerajaan melalui program National Training Week dari 22 - 28 Mei 2023.



Kursus Simulasi Penyegerakkan Janakuasa Voltan Rendah

24 Mei 2023 || ILP Pasir Gudang

Bahagian Penjaga Jentera Eelektrik telah menganjurkan Kursus Simulasi Penyegerakkan Janakuasa Voltan Rendah (Low Voltage Synchronizing Generator Simulator) secara praktikal pada 23 Mei 2023. Program ini disertai oleh 28 orang peserta yang mempunyai latar belakang dan pengetahuan tentang elektrik khususnya penggunaan janakuasa voltan rendah dan telah disampaikan oleh pengajar pakar En Mohd Khairul bin Ramlan dari Bahagian Penjaga Jentera Elektrik. Pembelajaran merangkumi aspek teori dan amali.



Kursus Asas Servis Notebook/ Laptop

25 Mei 2023 || ILP Kuala Terengganu

KJP Program National Training Week (NTW) Kursus Asas Servis Notebook/Laptop khas lepasan SPM 2022. Kursus Asas Services Notebook Dan Laptop selama satu hari di Bilik E-Learning 2 ILP Kuala Terengganu. Penceramah kursus daripada kakitangan ILP Kuala Terengganu sendiriilaitu En. Mohd Heikal bin Rahim.

NTW 2023 adalah platform yang sangat baik untuk menggalakkan rakyat Malaysia mencapai tujuan ini kerana ia menawarkan pelbagai kursus latihan dalam pelbagai bidang kemahiran teknikal dan Insaniah.

Malaysia telah mengorak langkah positif dalam meningkatkan kualiti pendidikan dan latihan tenaga kerja negara selama beberapa dekad ini. Namun, usaha ini tidak berhenti di sini. Kita perlu terus berusaha untuk merapatkan jurang kemahiran di samping meningkatkan kemahiran digital rakyat Malaysia, selaras dengan perubahan pesat dalam bidang Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)



Seminar Dan Demonstrasi TVET

25 Mei 2023 || ILP Labuan


Pada tarikh tersebut sebanyak 100 peserta terdiri daripada pelajar dan guru kaunselor dari 8 buah sekolah menengah di WP Labuan hadir iaitu SMK Labuan, SM Sains Labuan, SMK Ranche-Ranche Labuan, SMK Mutiara Labuan, SM St Anne Labuan, SMA MAIWP Labuan, SMK Taman Perumahan Bedaun Labuan dan SMK Pantai Labuan.

Menyahut seruan kerajaan supaya TVET perlukan pendekatan dikalangan belia negara ini agar mereka cakna dengan agenda nasional dalam memartabatkan kemahiran sebagai salah satu cabang merevolusikan pembangunan, ekonomi, ketamadunan mahupun penggerak kemajuan sesebuah negara.

Para peserta di dedahkan dengan seminar berkaitan peluang pembelajaran serta kerjaya dalam bidang TVET oleh Timbalan Pengarah Operasi Pn. Lizadiana binti Mohamad (yang juga merupakan alumni bagi SMK Labuan). Kemudian peserta diiringi pegawai pengiring ke 8 bengkel yang terdapat di ILP Labuan merangkumi Teknologi Mekanikal, Elektrikal dan Sivil.

Semua peserta teruja didedahkan proses pembelajaran amali dan ada di antara mereka diberi peluang mencuba sendiri kemahiran asas semasa "Road Tour" tersebut. Pelbagai demonstrasi oleh Pelajar dan Pengajar ILP Labuan di tunjukkan terutama berkaitan teknologi terkini dalam TVET yang relevan dengan keperluan Industri serantau. Semua peserta menunjukkan respon positif untuk masuk belajar di ILP Labuan kelak.

Sempena minggu NTW ini ILP Labuan turut menganjurkan Kursus Jangka Pendek yang dibuka untuk komuniti setempat secara percuma. Semoga usaha dan Iltizam ini mampu memacu serta memperkasa ilmu TVET di persada negara dan dunia.



Kursus Set Up With Whatsapp Business

25 Mei 2023 || ILP Sandakan

WhatsApp Business merupakan salah satu aplikasi komunikasi yang tidak asing di era pendigitalan ini. ILP Sandakan mengambil inisiatif untuk melaksanakan latihan secara atas talian berkenaan penggunaan aplikasi WhatsApp Business dalam konteks produktiviti sama ada bidang perniagaan ataupun penggunaan harian.

Sesi latihan tersebut telah disampaikan oleh En. Nurzharfan Bin Rafei Bui, Master Trainer eUsahawan ILP Sandakan; dan sesi ini telah dihadiri hampir 50 orang peserta yang terdiri dari pelajar, pendidik, pemilik premis perniagaan dan orang awam.


Kursus ini merupakan salah satu dari 10 kursus yang telah dianjurkan di ILP Sandakan bagi menyahut seruan kerajaan melalui program National Training Week dari 22 - 28 Mei 2023.



Kursus Penyelenggaraan Enjin Mesin Kecil Peringkat Asas

29 Mei 2023 || ILP Jitra

Bahagian Teknologi Kenderaan Perdagangan Berat telah menjalankan Kursus Penyelenggaraan Mesin Enjin Kecil Peringkat Asas di bawah Program Latihan Kemahiran (PLK) Pelan Pembangunan Teknologi baharu bagi sector pertanian dalam bidang kursus Jentera Perladangan. Kursus dilaksanakan di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Asun selama 2 hari 22-23 Mei 2023 melibatkan 15 orang peserta.



Kursus Asas Lukisan Kejuruteraan

29 Mei 2023 || ILP Sandakan

Lukisan kejuruteraan merupakan salah satu elemen yang amat penting dalam bidang kejuruteraan dan sering dijadikan asas kepada penghasilan projek atau produk sebelum sesuatu model dihasilkan dalam bentuk fizikal.

Sehubungan dengan itu, pihak ILP Sandakan telah mengadakan satu sesi latihan Asas Lukisan Kejuruteraan secara atas talian bagi memenuhi permintaan dan keperluan orang awam terutamanya bagi kawasan setempat di sekitar Sandakan. Antara objektif utama pelaksanaan kursus ini adalah memberi pengenalan asas berkenaan lukisan kejuruteraan serta penggunaan perisian yang sesuai bagi menyediakan lukisan kejuruteraan dengan efektif.

Sesi latihan tersebut telah disampaikan oleh Cik Dg. Zaimah Binti Ag. Tuah dan sesi ini telah dihadiri hampir 70 orang peserta yang terdiri dari pelajar, pendidik, juruteknik dan orang awam.

pada masa kini. Kesedaran inilah yang menjadi pemangkin kepada pengenalan NTW 2023 buat julung kalinya. NTW bertujuan untuk memupuk semangat pembelajaran sepanjang hayat dalam kalangan semua rakyat Malaysia. NTW mendorong persekitaran latihan yang kondusif untuk bakat dan pemain industri, serta memperkuat ekosistem peningkatan kemahiran bagi jurulatih dan peserta latihan.



Kursus Bagaimana Tukar Hardisk & Format Windows Komputer

29 Mei 2023 || ILP Labuan

Sempena minggu NTW seluruh Malaysia, ILP Labuan telah melaksanakan program latihan kemahiran yang memberi manfaat seluruh komuniti masyarakat WP Labuan. Lapan orang telah menyertai kursus yang dikendalikan oleh Tenaga Pengajar TKS En. Chan Ming Jun.

Semua peserta diberikan esijil peningkatan kemahiran dan mereka memberikan maklumbalas yang baik bagi Institut meneruskan program sebegini dimasa hadapan.




Kursus Basic Shielded Metal Arc Welding (SMAW) Process

29 Mei 2023 || ADTEC Batu Pahat

ADTEC Batu Pahat telah mengambil bahagian dalam National Training Week 2023 dengan menganjurkan kursus percuma Basic Shielded Metal Arc Welding (SMAW) Process.

Seramai 9 orang peserta telah menyertai kursus tersebut yang dikendalikan oleh pensyarah berpengalaman En. Saiful Bahrin bin Mohd Said dan En. Abd. Rahim bin Mohd Sohod dari Bahagian Teknologi Kimpalan.



Kursus Mudahnya Terbangkan Dron

29 Mei 2023 || ILP Ipoh

Ini merupakan salah satu hasil dari rakaman semasa latihan amali penerbangan dan suntingan yang diadakan sepanjang kursus berlangsung pada 20-21 Mei 2023 yang lalu.

Institut Latihan Perindustrian (ILP) Ipoh menganjurkan kursus jangka pendek 'Program TVET Insitu - Mudahnya Terbangkan Dron Ekopelancongan Orang Asli Tahun 2023' di Kampung Orang Asli Beswok, Sungai Siput. 12 orang peserta Orang Asli yang terlibat di dalam industri Eko-Pelancongan terlibat di dalam kursus ini.




Kursus Konsep Perpaipan Dalam Industri Minyak & Gas

29 Mei 2023 || ILP Labuan

ILP Labuan telah menyahut seruan kerajaan bagi melaksanakan minggu NTW 2023 program latihan kemahiran Kursus Jangka Pendek (KJP) untuk dimanfaatkan seluruh komuniti masyarakat WP Labuan.

Tujuh (7) orang telah menyertai kursus yang dikendalikan oleh Tenaga Pengajar TMG En. Saiful Rizal Bin Abd Jabar. Semua peserta diberikan esijil peningkatan kemahiran dan mereka memberikan maklumbalas yang baik bagi Institut meneruskan program sebegini dimasa hadapan.

Kursus ini juga penutup kepada program sepanjang minggu National Training Week (NTW) anjuran ILP Labuan pada komuniti setempat.




Kursus Online Video Editing

29 Mei 2023 || ILP Pasir Gudang

Bahagian Pusat Sumber & Multimedia ILP Pasir Gudang telah menganjurkan Kursus 'Online Video Editing' bersempena National Training Week pada 26 Mei 2023. Kursus berjalan secara dalam talian menggunakan platform Google Meet selama 2 jam (10pg-12tghari).

Seramai 126 orang peserta telah mendapat manfaat dari perkongsian Pn Hafizah binti Haron berkenaan aplikasi-aplikasi atas talian yang boleh digunakan untuk membuat suntingan video. Peserta ditunjukkan bagaimana penghasilan sesebuah video dengan menggunakan alatan-alatan yang disediakan oleh aplikasi Clipchamp dan CapCut.



Kursus Pengenalan Persijilan IECEx

29 Mei 2023 || ILP Sandakan

Sesi taklimat dan perkongsian ilmu berkenaan Pengenalan dan Pelaksanaan Persijilan IECEx telah dianjurkan oleh ILP Sandakan dengan kerjasama Syarikat Westmaltech Sdn. Bhd.

Objektif perkongsian ini adalah memberi pendedahan kepada kepentingan pematuhan persijilan berkenaan 'International Electrotechnical Commission for Explosives Atmosphere' pada pihak industri.

Sesi tersebut telah disampaikan oleh En. Mohd Azimie Bin Ahmad, HSE Consultant/Process Safety Specialist dari Westmaltech Sdn. Bhd. Dan dihadiri secara online oleh rakan rakan industri di sekitar negeri Sabah.



Kursus Asas Autocad Hampan

29 Mei 2023 || ILP Pasir Gudang

Bahagian Teknologi Fabrikasi Struktur Logam (Minyak dan Gas) ILP Pasir Gudang telah menganjurkan kursus Asas Autocad Hampan secara bersemuka sempena National Training Week (NTW) pada 27 Mei 2023. Kursus ini telah dikendalikan oleh pengajar kompeten dalam bidang rekabentuk iaitu Pn Tc. Azroyliza binti Aradi.

Seramai 13 orang peserta berjaya menyertai kursus ini sehingga tamat. Para peserta didedahkan dengan Autocad, iaitu satu platform mudah untuk membuat rekaan 2D, setiap peserta diberi peluang untuk merasai pengalaman secara hands-on melukis lukisan hampan dengan teknik yang betul dan selamat.



Kursus Diagnose Smart Washing Machine

29 Mei 2023 || ILP Pasir Gudang

Kursus 'Diagnose Smart Washing Machine' telah diadakan pada 24 Mei 2023 di Bilik Samsung ILP Pasir Gudang anjuran Bahagian Teknologi Elektronik Industri. Kursus ini telah dijalankan di bawah Program National Training Week (NTW) 2023 bertujuan untuk menjadikan pembelajaran sepanjang hayat sebagai budaya rakyat Malaysia. Kursus ini telah disertai oleh 10 orang peserta dan telah disampaikan oleh pengajar berpengalaman iaitu Pn. Norhedayah binti Jamaludin.

Peserta telah diberi pendedahan kepada asas mengenalpasti kerosakan dan selenggara mesin basuh bermula dari pengenalan jenis mesin basuh, mengenal pasti jenis alatan tangan yang diperlukan semasa melakukan kerja-kerja penyelenggaraan mesin basuh sehingga mengenalpasti jenis kerosakan mesin basuh. Di dalam kursus ini juga peserta diajar secara amali teknik membuka dan memasang semula bahagian-bahagian mesin basuh.

Dari 22 Mei 2023 hingga 28 Mei 2023, Kerajaan telah menetapkan sasaran tinggi untuk inisiatif ini, iaitu penyertaan 125,000 peserta latihan di seluruh negara, 5,000 jurulatih, penyedia latihan, dan kolaborator, serta 5,000 kursus dalam pelbagai bidang kemahiran. Sasaran Kementerian juga termasuk merekodkan lebih 500,000 jam latihan dengan nilai kos sebanyak RM250 juta dalam nilai latihan sepanjang minggu ini. Kementerian Sumber Manusia telah berjaya merekodkan 21,052 kursus, 103,823 penyertaan dan 404,312 jam latihan pada 27 Mei 2023 dan telah mencapai sasaran menjelang pengakhiran NTW 2023 pada 28 Mei 2023.



Kursus Converter

29 Mei 2023 || ILP Pasir Gudang

Bahagian Teknologi Instrumen Perindustrian telah menganjurkan Kursus Converter sempena National Training Week (NTW) pada 25 Mei 2023. Kursus ini disertai 7 orang peserta yang terdiri daripada orang awam dan telah disampaikan oleh tenaga pengajar pakar, Pn. Noorzilah binti Jamaludin di Bengkel Teknologi Instrumen Perindustrian, ILP Pasir Gudang.

Topik kursus termasuk pengenalan kepada converter, fungsi dan jenis converter, diikuti dengan amali converter di mana peserta akan menentu ukur 'current to pneumatic' dan 'pneumatic to current converter'. Kursus ini telah mencapai objektifnya yang bertujuan untuk memberi pengetahuan dan kemahiran tentang converter kepada peserta kursus di kalangan orang awam.




Kursus How to Install Single Phase Distribution Board

29 Mei 2023 || ILP Pasir Gudang

Bahagian Teknologi Elektrik ILP Pasir Gudang telah menganjurkan kursus 'How to Install Single Phase Distribution Board' secara bersemuka sempena National Training Week (NTW) pada 24 Mei 2023. Kursus ini telah dikendalikan oleh pengajar kompeten dalam bidang elektrik iaitu En. Mohd Bakhtiar bin Nasir. Seramai 11 orang peserta berjaya menyertai kursus ini sehingga tamat.

Peserta diberi pendedahan berkaitan asas keselamatan pemasangan elektrik, pengenalan kepada peralatan dan perkakasan elektrik, pengenalan kepada papan agihan satu fasa serta kefungsiannya. Di akhir kursus, setiap peserta diberi peluang untuk merasai pengalaman secara hands-on memasang papan agihan satu fasa secara betul dan selamat.




Kursus Online Video Editing

29 Mei 2023 || ILP Arrumugam Pillai Nibong Tebal

Pada 25 Mei 2023 (Khamis) telah berlangsungnya Program Kursus Jangka Pendek ILP APNT yang bertajuk Introduction to KNX Building Automation System. Kursus ini dilaksanakan bersempena dengan National Training Week yang berlangsung sepanjang 22 - 26 Mei 2023.

Kursus yang telah dibimbing oleh 2 orang pengajar dari Bahagian Teknologi Elektrik ini adalah bertujuan untuk memberi pendedahan, ilmu pengetahuan berkenaan KNX iaitu sistem kawalan bangunan yang melibatkan peranti elektrik dan perisian untuk mengautomasi serta mengintegrasikan pelbagai fungsi dalam satu bangunan.



Kursus Photoshop Editing

30 Mei 2023 || ILP Sandakan

26 Mei 2023 | Jumaat | Kepakaran dalam menghasilkan imej yang menarik melalui proses penyuntingan imej yang teliti dan efektif merupakan suatu proses yang penting namun kebiasaannya memakan masa yang panjang untuk mendapatkan hasil yang tepat.

Sehubungan dengan itu, pihak ILP Sandakan telah mengadakan satu sesi latihan 'Photoshop Editing' secara atas talian bagi memudahkan proses penyuntingan imej terutamanya kepada individu yang baru menceburi bidang tersebut. Antara objektif utama pelaksanaan kursus ini adalah memberi pengenalan asas berkenaan penyuntingan imej serta penggunaan perisian yang sesuai serta penekanan konsep merekacipta bagi memudahkan proses penyuntingan imej dengan berkesan.

Sesi latihan tersebut telah disampaikan oleh En. Mohd Hafizul Bin Ibrahim Apani dan sesi ini telah dihadiri hampir 50 orang peserta yang terdiri dari pelajar, pendidik dan orang awam.



Kursus Basic Vehicle Electrical System

30 Mei 2023 || ILP Pasir Gudang

Kursus Basic Vehicle Electrical System (NTW) telah diadakan pada 27 dan 28 Mei 2023 di Bahagian Teknologi Automotif ILP Pasir Gudang sempena minggu National Training Week (NTW). Seramai 11 orang peserta dari kalangan orang awam telah menyertai kursus yang dianjurkan ini. Kursus yang dijalankan secara bersemuka ini telah disampaikan oleh En Mohd Fadzli Bin Mat Puzi @ Mohd Fauzi.

Para peserta didedahkan secara teori dan amali asas sistem elektrik kenderaan yang merangkumi pengenalan kepada komponen elektrik kenderaan, asas diagnosis kefungsi komponen dan proses penukaran komponen-komponen tersebut di dalam kenderaan. Kursus yang dijalankan selama dua hari ini dapat meningkatkan kemahiran dan pengetahuan para peserta sejourus mencapai objektif penganjuran.


“ Kementerian Sumber Manusia telah berjaya merekodkan 21,052 kursus, 103,823 penyertaan dan 404,312 jam latihan pada 27 Mei 2023 dan telah mencapai sasaran menjelang pengakhiran NTW 2023 pada 28 Mei 2023. “



Kursus Asas Elektrik

30 Mei 2023 || ILP Kuala Lumpur

Bengkel Teknologi Elektrikal telah menganjurkan secara percuma sempena Minggu Latihan Kebangsaan (NTW 2023) untuk komuniti setempat dan orang awam yang berminat dalam bidang ini. Tajuk Kursus yang dianjurkan adalah ASAS ELEKTRIK. Kursus ini memberi penerangan dan kerja-kerja amali yang berkaitan. Antaranya Langkah-langkah keselamatan semasa penggunaan elektrik, Teknik penyambungan mengikut SOP dan banyak lagi.



Kursus Refrigerent & Air Conditioning Gas Welding Practice

30 Mei 2023 || ILP Sandakan

26 Mei 2023 | Jumaat | Satu sesi latihan berkenaan proses pengimpalan dalam pemasangan sistem penyamanan udara telah dilaksanakan bagi memberi pendedahan kepada orang awam berkenaan perbezaan proses pengimpalan dalam sistem penyamanan udara berbanding proses pengimpalan konvensional yang lain.

Antara objektif utama latihan tersebut adalah memastikan para peserta yang hadir dapat mengetahui 'tips and tricks' proses silfosing, meloyang, pengujian kebocoran dalam sistem pemasangan penghawa dingin.

Sesi latihan tersebut telah disampaikan oleh En. Ahmad Fadhullah Bin Rusaidi dan En. Mohd Faiz Fathullah Bin Ali Hassan yang merupakan pengajar dan tenaga pakar projek kerjasama ILP Sandakan dan Daikin Academy. Sesi ini telah dihadiri hampir 90 orang peserta yang terdiri dari pelajar, pendidik, juruteknik dan orang awam.

HARI TVET NEGARA 2 JUN 2023

“ Kerajaan menggalakkan anak-anak muda menyertai TVET untuk mencipta peluang pekerjaan. ”

YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim Perdana Menteri

MALAYSIA MADANI

HARI TVET NEGARA 2 JUN 2023

“ Masyarakat perlu sedar mengenai kepentingan TVET dan ia tidak harus dijadikan pilihan kedua bagi para pelajar yang tidak memperoleh pencapaian baik dalam bidang akademik. ”

YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi Timbalan Perdana Menteri Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah

MALAYSIA MADANI

SELAMAT HARI TVET NEGARA 2 JUN 2023

Ikhtisab daripada Pengurusan Tertinggi serta warga Kementerian Sumber Manusia

MALAYSIA MADANI



Kursus Pembuat Acuan Dan Tuangan Slip

6 Jun 2023 || ADTEC Taiping

Kursus KJP Pembuatan Acuan dan Tuangan Slip yang telah diadakan di Bengkel Mekanikal Bahan ADTEC Taiping. Kursus ini melibatkan 68 penyertaan yang terdiri dari Pensyarah, pengajar dan pelajar Tahun 2 Program Kejuruteraan Bahan, Unimap. Seramai 6 orang pelajar semester 2 DT Mekanikal Bahan, ADTEC Taiping turut terlibat sebagai fasilitator kursus ini.



Kursus Pendawaian Elektrik

12 Jun 2023 || ILP Arumugam Pillai Nibong Tebal

Pada hari ini telah bermulanya Program Kursus Jangka Pendek ILP APNT yang bertajuk Pendawaian Elektrik selama 8 hari pada setiap hujung minggu sepanjang bulan Jun dan Julai 2023.

Kursus ini adalah tajaan sepenuhnya dari Northern Corridor Economic Region (NCER) Malaysia di bawah Kementerian Kewangan. Kursus yang ditaja khas untuk penduduk seluruh kawasan Daerah Kerian ini adalah bertujuan untuk membantu golongan B40 dalam mempelajari ilmu kemahiran yang seterusnya boleh dimanfaatkan dalam menjana sumber pendapatan.



Kursus NDT Bersama KV Lipis

9 Jun 2023 || ADTEC Jerantut

Sejumlah 30 orang pelajar dari Kolej Vokasional telah menimba ilmu dalam bidang Non-Destructive Testing (NDT) di ADTEC Jerantut. Pelajar-pelajar ini telah diberi pendedahan teori dan kemahiran amali bagi kaedah Ultrasonic Testing (UT) dan juga Magnetic particle Testing (MT).

Para pelajar menunjukkan minat dan keyakinan sepanjang pengendalian peralatan dan bahan amali. Terima kasih KV Lipis atas kepercayaan dalam mendalami ilmu di ADTEC Jerantut.



Kursus ECU Mapping, Engine Tuning & Performance Analysis

13 Jun 2023 || ADTEC Melaka

Kursus Penyelenggaraan Asas Kereta Kereta: Pemeliharaan Dan Penjagaan Sistem Utama Siri 1 yang telah disampaikan oleh pensyarah Teknologi Automotif ADTEC Melaka, En Afdiman Bin Anuar & En Mohd Nazri Bin Shahrudin kepada 12 orang pemandu dari agensi-agensi negeri Melaka



Kursus ECU Mapping, Engine Tuning & Performance Analysis

15 Jun 2023 || ILP Mersing

ILP Mersing telah menganjurkan Kursus ECU Mapping, Engine Tuning & Performance Analysis di bawah Program Peningkatan Kemahiran yang diadakan di Kuala Lumpur Infrastructure University College (KLIUC). Kursus ini telah dihadiri seramai 15 orang pengajar dari bahagian Teknologi Automotif ILJTM.

Antara kandungan modul yang dipelajari adalah engine parameters & performances, chassis dynamometer & tuning serta testing 4WD vehicle on chassis dynamometer.



Kursus Photovoltaic Design & Wiring Principle For Beginner

16 Jun 2023 || ILP Kota Kinabalu

ILP Kota Kinabalu telah mengadakan Kursus Photovoltaic Design & Wiring Principle For Beginner yang telah dikendalikan oleh pengajar pakar, Ts. Stevenson bin Guramun dan En. Jeffrey Fredory. Kursus tersebut berlangsung di Bengkel Teknologi Elektrik, ILP Kota Kinabalu.




Kursus Basic Microsoft Word & Google Form

26 Jun 2023 || ILP Tangkak

Unit Cess ILP Tangkak telah menganjurkan kursus Basic Microsoft Word dan Google Form yang disertai oleh 50 orang Kakitangan Majlis Daerah Tangkak. Kursus ini dijalankan selama 3 hari di Makmal Komputer Teknologi Komputer (Rangkaian) dan disampaikan oleh tenaga pengajar yang pakar di dalam bidang IT.

Semua peserta di didedahkan penggunaan asas Microsoft Word dan Teknik menggunakan Google Form sebagai Langkah menambah baik kemahiran menggunakan aplikasi komputer untuk membantu kerja-kerja harian mereka.



Kursus Pendawai Elektrik Fasa Tunggal Dengan Endorsan PW2

26 Jun 2023 || ILP Kuala Lumpur

Unit Cess ILP Tangkak telah menganjurkan kursus Basic Microsoft Word dan Google Form yang disertai oleh 50 orang Kakitangan Majlis Daerah Tangkak. Kursus ini dijalankan selama 3 hari di Makmal Komputer Teknologi Komputer (Rangkaian) dan disampaikan oleh tenaga pengajar yang pakar di dalam bidang IT.

Semua peserta di didedahkan penggunaan asas Microsoft Word dan Teknik menggunakan Google Form sebagai Langkah menambah baik kemahiran menggunakan aplikasi komputer untuk membantu kerja-kerja harian mereka.



Kursus Penjaga Jentera Elektrik Voltan Rendah A4

26 Jun 2023 || ILP Pasir Gudang

Bahagian Penjaga Jentera Elektrik ILP Pasir Gudang telah menganjurkan Kursus Kekompetenan Penjaga Jentera Elektrik Voltan Rendah A4 (Separuh Masa) bermula 5 Ogos 2022 hingga 24 Jun 2023. Penyertaan terdiri daripada 19 orang peserta dengan latar belakang dan pengetahuan tentang elektrik khususnya pemegang Perakuan Kekompetenan Penjaga Jentera Elektrik A0 atau Perakuan Kekompetenan Penjaga Jentera Elektrik A1.

Program ini dijalankan secara bersemuka di ILP Pasir Gudang dan telah disampaikan oleh pengajar pakar En Mohd Khairul bin Ramlan dan En Mohd JSen bin Alias dari bahagian Penjaga Jentera Elektrik, ILP Pasir Gudang. Pembelajaran merangkumi aspek teori dan amali bagi melayakkan mereka menduduki Peperiksaan Kekompetenan Penjaga Jentera Elektrik A4 oleh Suruhanjaya Tenaga.



Kursus Pemasangan Dan Penyelenggaraan Penghawa Dingin Domestik

11 Julai 2023 || ILP Miri

Kursus Jangka Pendek bertajuk Pemasangan Dan Penyelenggaraan Penghawa Dingin Domestik bersama peserta negara Brunei Darussalam dari Syarikat Syera Services telah dilaksanakan pada 10-11 Julai 2023.



Kursus Advance PLC WITH HMI Integration

6 Julai 2023 || ADTEC Batu Pahat

Seramai sepuluh peserta terdiri daripada lapan pengajar ADTEC Batu Pahat, seorang pengajar ADTEC Melaka dan seorang pengajar ILP Tangkak telah menghadiri Program Pembangunan Kepakaran dan Profesionalisme Pengajar TVET: Kursus Advanced PLC with HMI Integration yang diadakan di ADTEC Batu Pahat pada 03 hingga 05 Julai 2023.

Kursus 3 hari yang dilaksanakan dibawah Program Pembangunan Kemahiran ini diadakan bertujuan untuk meningkatkan tahap kompetensi para pengajar bagi memastikan mutu latihan kemahiran yang dilaksanakan di ILJTM kekal relevan dan mampu untuk melahirkan tenaga mahir yang berdaya saing. Kursus dikendalikan oleh Encik Heidi bin Ali dari Festech Sch Bhd.



Kursus Milling Machine Operation

12 Julai 2023 || ILP Kuala Lumpur

Aktiviti Kursus Jangka Pendek (KJP) Milling Machine Operation bagi Bengkel Teknologi Pembuatan ILP Kuala Lumpur yang berlangsung dari 3 - 9 JUL 2023.



Kursus Aircond System (Installation, Maintenance & Troubleshooting)

12 Julai 2023 || ILP Kuala Lumpur

Aktiviti Kursus Jangka Pendek (KJP) bagi Bengkel Teknologi RAC ILP Kuala Lumpur yang berlangsung dari 3 - 9 JUL 2023 yang bertajuk Single Phase Air-Conditioning Equipment Maintenance dan SIP - Aircond System (Installation, Maintenance & Troubleshooting)



Kursus Basic Semiconductor

13 Julai 2023 || ADTEC Taiping

Kursus Jangka Pendek (KJP) bersama pelajar-pelajar Universiti Teknologi Petronas (UTP). Antara kandungan tajuk-tajuk kursus adalah Basic of MOSFET Structure, Basic of Semiconductor Mask Design, Gowning and Degowning Procedures, Fabrication Chemicals, Wet and Dry Oxidation Processes, Critical Measurement Processes, Photolithography Processes, Diffusion Process, Metallization Process dan Characterization Process. Kuantiti pelajar UTP adalah seramai 25 orang.



Kursus Asas Pengendalian Autonomous Drone

13 Julai 2023 || ILP Kangar

Telah diadakan kursus Asas Pengendalian Autonomous Drone pada 12 Julai 2023 dari jam 8.00 pagi hingga 4.00 petang di Dewan Kuliah Utama ILP Kangar. Kursus telah dikendalikan oleh pengajar dari Bahagian Teknologi Mekatronik dan telah dihadiri seramai 134 orang peserta yang terdiri dari murid sekolah menengah dan sekolah rendah sekitar negeri Perlis.



Kursus Pemantapan Drebar Enjin Stim

14 Julai 2023 || ADTEC Jerantut

Kursus Pemantapan Drebar Enjin Stim (Boilerman) bagi siri kedua di ADTEC Jerantut telah berjaya dilaksanakan hasil kerjasama bersama Syarikat UCA Sdn. Bhd. Kursus yang bermula 10 hingga 13 Julai 2023 ini telah mempersijilkan wakil-wakil daripada industri berkaitan. Antara peserta kursus adalah wakil daripada Goodyear Malaysia Berhad, Sime Darby Plantation Berhad (Kerdu Pump Oil Mill), Rompin Integrated Pineapple Industry, Tian Siang Oil Mill, Tateyama Food Industries, Syarikat Lensing Mentakab Sdn. Bhd, Alliance Steel dan Rakyat Ketengah Perwira Sdn. Bhd.

Kursus pemantapan ini merupakan persediaan kepada para peserta untuk mengambil peperiksaan bagi Orang Yang Kompeten (OYK) Drebar Enjin Stim (Boilerman). Ia sudah tentu dapat membantu syarikat untuk mendapatkan pekerja Boilerman yang kompeten, membuka ruang dan peluang bagi syarikat untuk proses reskilling serta melengkapkan syarat untuk menduduki peperiksaan khas JKPP.



Kursus Computer Network Fundamental

14 Julai 2023 || ILP Pedas

Kursus customized bagi Computer Network Fundamental bagi 10 orang pelajar Kolej Vokasional Port Dickson telah dijalankan pada 12 - 13 Julai 2023.

Sepanjang 2 hari kursus ini, pelajar-pelajar KV telah didedahkan tentang teori dan amali bagi Local Area Network (LAN), keperluan peralatan & perkakasan rangkaian LAN, teknik pemasangan dan pengujian kabel UTP serta keperluan TCP/IP dalam rangkaian komputer.

Kursus merupakan kursus value-added kepada pelajar-pelajar KV bagi persediaan kepada kerja-kerja pembaikan network komputer.



Kursus Hydraulic System Servicing

27 Julai 2023 || ADTEC Batu Pahat

26 Julai 2023 kursus Hydraulic System Servicing telah dilaksanakan kepada kakitangan Jabatan Kerja Raya (Wliayah Utara). Terima kasih diucapkan kepada Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan dan Teknologi JKR (CREaTE) diatas sokongan yang berterusan dalam menjayakan program peningkatan kemahiran kepada kakitangan.



Kursus Kendalian & Autonomous Dron

31 Julai 2023 || ILP Mersing

Kursus Kendalian & Autonomous Dron dan Kursus Pemasangan Dron D.I.Y & FPV di bawah peruntukan Program Peningkatan Latihan Kemahiran ILJTM telah berjaya diadakan pada 24 hingga 29 Julai 2023 di Institut Latihan Perindustrian Mersing. Kursus ini telah disertai oleh peserta dari 5 buah institut lain iaitu ADTEC Kemaman, ILP Kuala Lumpur, ILP Perai, ILP Miri dan ILP Sandakan manakala ILP Mersing diamanahkan sebagai COE Teknologi Dron ILJTM.

Kedua-dua kursus ini telah berjalan dengan lancar dengan pelbagai pengetahuan dan kemahiran diterapkan secara komprehensif.



Kursus Penyelenggaraan Kenderaan

26 Julai 2023 || ILP Marang

Telah diadakan Kursus Penyelenggaraan Kenderaan kepada Pegawai Unit Penyelenggaraan Kenderaan (UPK) Ibu Pejabat Dan Negeri & Jawatankuasa Audit Kenderaan FAMA. Seramai 28 orang telah menyertai kursus ini.




Industri 4WRD merujuk kepada gelombang Revolusi Industri Keempat (4IR) di Malaysia. Istilah “4WRD” berasal dari perkataan “Forward,” menunjukkan visi Malaysia untuk bergerak ke hadapan dan menyesuaikan diri dengan cabaran dan peluang yang ditawarkan oleh Revolusi Industri Keempat. Inisiatif ini bertujuan untuk mengubah sektor pembuatan Malaysia dengan mengintegrasikan teknologi canggih, seperti Internet of Things (IoT), kecerdasan buatan (AI), robotik, dan analitik data besar, ke dalam proses dan operasi industri.

“Jabatan Tenaga Manusia mengorak langkah meningkatkan pengetahuan dan kemahiran bagi merealisasikan Industri 4.0 dalam latihan kemahiran di Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia “

Objektif utama Industri 4WRD di Malaysia termasuk Meningkatkan produktiviti dan kecekapan sektor pembuatan. Mendorong adaptasi dan pemanfaatan teknologi canggih di kalangan industri tempatan. Mempromosikan inovasi, penyelidikan, dan pembangunan dalam proses pembuatan. Mengembangkan tenaga kerja yang sangat terlatih yang mampu mengendalikan dan mengurus teknologi canggih. Memperkuat daya saing industri Malaysia di pasaran global.

Untuk menyokong pelaksanaan Industri 4WRD, kerajaan Malaysia telah memperkenalkan pelbagai inisiatif, dasar, dan insentif untuk mendorong industri tempatan untuk merangkul transformasi digital dan meningkatkan kapabiliti pembuatan mereka.



Kursus Aircond System (Installation, Maintenance & Troubleshooting)

2 Ogos 2023 || ADTEC Batu Pahat

Seramai 9 orang pseserta terdiri daripada 7 orang pengajar ADTEC Batu Pahat, seorang pengajar ILP Tangkak dan seorang pengajar ILP Kuala Langat telah menghadiri kursus Cisco Cybersecurity Operations (CyberOps) dibawah program Industry 4WRD JTM yang diadakan di ADTEC Batu Pahat pada 23 hingga 27 Julai 2023.

Kursus ini diadakan bertujuan untuk meningkatkan tahap kompetensi para pengajar bagi memastikan mutu latihan kemahiran yang dilaksanakan di ILJTM kekal relevan dan mampu untuk melahirkan tenaga mahir yang berdaya saing.

Menerusi kursus selama 5 hari ini, para peserta didedahkan kepada konsep keselamatan, rangkaian dan operasi aplikasi, serangan yang biasa berlaku serta data yang diperlukan untuk membuat penyiasatan insiden keselamatan. Kursus dikendalikan oleh Cisco Certified Instructor Trainer iaitu En Muhammad Ezra bin Muhammad Ismail dari UniKL MiiT.

Jabatan Tenaga Manusia mengorak langkah meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pengajar bagimerealisasikan Industri 4.0 dalam latihan kemahiran di Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia. Memahami pentingnya dalam konteks transformasi industri, kerajaan Malaysia melalui JTM telah memperkenalkan kursus jangka pendek program Industry4WRD untuk menyokong inisiatif ini.

Pelbagai program pembangunan kemahiran dan kompetensi telah dirancang sama ada melalui pelaksanaan kursus dan latihan ataupun pengiktirafan profesional menggunakan peruntukan Program Latihan Kemahiran (PLK), Program Pembangunan Kepakaran (PPK) dan Industry4WRD bagi meningkatkan tahap kompetensi sama ada



Kursus Air Conditioner Certified

3 Ogos 2023 || ILP Kota Bharu

Bahagian Teknologi Penyejukan dan Penyamanan Udara (TPPU) telah menganjurkan Kursus Air-Conditioner Certified Technician (ACCT) RA (Installation) Daikin Academy pada 28-30 Julai 2023 di ILP Kota Bharu. Seramai 8 orang peserta telah menyertai kursus kali ini.

Master Trainer Daikin Academy, Encik Adnan Bin Shafie dan En. Noor Azli Bin Che Puteh serta AMMS Trainer En. Salahudin Bin Mahmud telah mengendalikan kursus ini selama 3 hari (20% Teori Dan 80% Praktikal). Di akhir kursus, peserta menjalani ujian teori dan amali bagi melayakkan peserta untuk mendapat sijil kompetensi dari Daikin Academy.



Bengkel Usahawan Altruistik TVET

4 Ogos 2023 || ILP Selandar

ILP Selandar dengan kerjasama CREATE UTeM telah menganjurkan Bengkel Usahawan Altruistik TVET, B.U.A.T yang telah berlangsung selama 3 hari bermula 31/7/2023 sehingga 2/8/2023 yang melibatkan peserta dari kalangan pelajar-pelajar UTeM seramai 40 orang.

Pelajar-pelajar ini telah mengikuti kursus jangka pendek penyelenggaraan komputer, penyelenggaraan telefon pintar dan keusahawanan digital.



Kursus Electrical Maintenance

17 Ogos 2023 || ILP Kuala Terengganu

Pelaksanaan Kursus Jangka Pendek untuk 21 Pelajar dan seorang Pensyarah Kolej Vokasional Wakaf Tembesu pada 17/8/2023 - 19/8/2023. Program ini adalah kesinambungan daripada sebahagian aktiviti Kerjasama (Nota Kerjasama) yang sedang berjalan. Ketua Jabatan Elektrik En. Shamsul Rizal bin Rozak meluangkan masa untuk bersama-sama pelajar di permulaan kursus.



Kursus Basic Sheet Metal Repair

21 Ogos 2023 || ADTEC Shah Alam

Kursus Basic Sheet Metal Repair di ADTEC Shah Alam selama 5 hari bermula pada 14 hingga 18 Ogos 2023 dihadiri oleh 6 orang pegawai dari Stesen Udara Kota Kinabalu, TLDM Kota Kinabalu.

dengan mengikuti program yang tersedia agar latihan kemahiran yang dilaksanakan di JTM benar-benar relevan dan mampu melahirkan tenaga mahir yang diperlukan. Antaranya ReSkilling & UpSkilling, Train of Trainer, Perkongsian Kepakaran Industri (PKI), Latihan Sangkutan Industri (LSI), Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT), Professional Certification dan Coaching & Mentoring.



Kursus Printing Cost & Estimating

23 Ogos 2023 || ILP Arumugam Pillai Nibong Tebal

Pada 22 Ogos 2023, telah berlangsungnya Program Kursus Jangka Pendek ILP APNT yang bertajuk Printing Cost & Estimating yang disertai oleh 6 orang peserta.

Kursus yang disampaikan oleh tenaga pengajar pakar Teknologi Percetakan, Encik Muhammad Muizz bin Antong ini adalah berkisar tentang kaedah pengiraan dan anggaran kos dalam proses percetakan.

Kursus ini telah disertai oleh kakitangan industri percetakan yang mana terlibat secara langsung dalam proses percetakan.



Kursus Train Of Trainer CISCO

23 Ogos 2023 || ADTEC Batu Pahat

Bagi memperkasa pengetahuan dan kemahiran tenaga pengajar dalam bidang Komputer Rangkaian di ADTEC Batu Pahat, satu program Train of Trainer (TOT) telah dilaksanakan pada 20 hingga 22 Ogos 2023. Program ini juga dirancang untuk melatih lebih ramai pelapis dikalangan tenaga pengajar yang berkeupayaan untuk mengajar dalam bidang Komputer Rangkaian.

Program TOT sepanjang tiga hari ini dikendalikan oleh Ts. Norhisham bin Mansor, pengajar berpengalaman dari Bahagian Teknologi Komputer Rangkaian, ADTEC Batu Pahat. Menerusi program ini, para peserta didedahkan kepada asas konfigurasi peralatan cisco seperti switch dan router, konfigurasi switching seperti VLAN, Inter-VLAN dan Etherchannel, konfigurasi routing seperti static routing, default static routing, ripv2, eigrp dan ospfv2 dan konfigurasi polisi ACL seperti standard numbered ACL dan named ACL.



Kursus Asas Kemahiran ICT

23 Ogos 2023 || ILP Kota Bharu

Seramai 40 orang pelajar bersama 5 orang guru pengiring Sek. Keb. Chicha Menyabong telah mengadakan Kursus Asas Kemahiran ICT di Makmal Komputer ILPKB. Bahagian Pusat Sumber & Multimedia (BPSM) telah menjalankan pengajaran teori dan amali kepada 3 kumpulan pelajar. Antara topik-topik yang diajar adalah seperti Pengenalan Asas Sistem Perkakasan Komputer, Asas Microsoft Office (Word, Excel & Power Point) dan Penyelenggaraan Komputer & Keselamatan Siber.



Kursus Non-Destructive Test

28 Ogos 2023 || ILP Labuan

Kursus NDT di bawah program PLK ini diadakan bertujuan agar pengajar TVET dapat memperoleh teknik dan kaedah yang betul untuk melakukan ujian tanpa musnah. Selain daripada itu, kursus ini juga bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan juga keyakinan pengajar TVET untuk melakukan demonstrasi ujian tanpa musnah ketika sesi pembelajaran berlaku.

Kursus ini disampaikan oleh En. Mohd Aris bin Mohd Zin dan dibantu oleh En. Mohd Yazmi bin MD Yasan, Pensyarah UniKL MFI selama tiga hari kepada 10 peserta yang mana kesemua peserta ini adalah pengajar TVET di ILP Labuan.



Kursus Asas Mengimpal Untuk Pelajar Sekolah

28 Ogos 2023 || ILP Miri

Peserta yang berkursus adalah pelajar tingkatan 4 & 5 dari sekolah yang berada di sekitar Miri seperti SMK Saint Columba Miri, Kolej Vokasional Miri dan SMK Bukit Lima Sibul.



Kursus Autodesk AutoCAD

28 Ogos 2023 || ILP Miri

Pelaksanaan Kursus Jangka Pendek untuk 21 Pelajar dan seorang Pensyarah Kolej Vokasional Wakaf Tembesu pada 17/8/2023 - 19/8/2023. Program ini adalah kesinambungan daripada sebahagian aktiviti Kerjasama (Nota Kerjasama) yang sedang berjalan. Ketua Jabatan Elektrik En. Shamsul Rizal bin Rozak meluangkan masa untuk bersama-sama pelajar di permulaan kursus.



Kursus Penyelenggaraan Alat Hawa Dingin Domestik

28 Ogos 2023 || ILP Labuan

Kursus pendedahan kepada komuniti belia dan masyarakat WP Labuan ini melibatkan 20 peserta dari pelbagai latar belakang, kaum dan jantina.

Para peserta didedahkan dengan teknik asas penyelenggaraan alat hawa dingin rumah, mengenalpasti kerosakan serta menyediakan laporan penyelenggaraan (service report) untuk menjadi rujukan kepada pihak pelanggan kelak.


Peserta mendapat sentuhan pengajar pakar di bidang TPPU En. Mohd Hamdan Bin Mohd Shafai serta En. Mohamad Azim Bin Kadis dalam melancarkan lagi proses pengajaran dan pembelajaran kursus tersebut.



Kursus ACCT RA Installation

29 Ogos 2023 || ILP Kuala Lumpur

Aktiviti Kursus Jangka Pendek bagi Bengkel Teknologi RAC yang berlangsung dari 21 - 27 Ogos 2023 merangkumi Single Phase Air-Conditioning Equipment Installation dan ACCT RA Installation.



Kursus Basic Electrical Wiring

29 Ogos 2023 || ILP Kuala Lumpur

Aktiviti Kursus Jangka Pendek bagi Bengkel Teknologi Elektrikal yang berlangsung dari 21 - 27 Ogos 2023 bertajuk Basic Electrical Wiring And Testing.



Kursus CNC Lathe Machine Operation

7 September 2023 || ILP Kuala Terengganu

Kursus CNC Lathe Machine Operation di bawah projek Peningkatan Kepakaran dan Profesionalisme Pengajar TVET, RMKe 12 bagi tahun 2023. 10 Orang Pengajar daripada ILP Kuala Terengganu, ADTEC Jerantut dan ILP Kuantan telah mengikuti kursus tersebut. Kursus dijalankan selama lima (5) hari bermula 3-7 September 2023 di bengkel Teknologi Pemesinan Pembuatan (TPP) ILP Kuala Terengganu.



Kursus Persediaan Amali Penyegerakkan Janakuasa Voltan Rendah

4 September 2023 || ILP Pasir Gudang

Bahagian Penjaga Jentera Eelektrik ILP Pasir Gudang telah menganjurkan Kursus Persediaan Amali Penyegerakkan Janakuasa Voltan Rendah & Peperiksaan Suruhanjaya Tenaga bermula 24 hingga 30 Ogos 2023 yang disertai oleh 15 orang peserta TNB dengan latar belakang dan pengetahuan tentang elektrik serta lulus Peperiksaan Teori Suruhanjaya Tenaga Kategori Penjaga Jentera Elektrik B0.

Program ini dijalankan secara bersemuka di ILP Pasir Gudang dan disampaikan oleh pengajar pakar En Mohd Khairul bin Ramlan dan En Mohd JSen bin Alias dari bahagian Penjaga Jentera Elektrik. Pembelajaran adalah merangkumi aspek teori dan amali.



Kursus CNC Milling

11 September 2023 || ILP Pedas

Kursus customized CNC Milling bagi 28 orang pelajar Kolej Vokasional Klang telah dijalankan pada 4 - 7 September 2023. Sepanjang 4 hari kursus ini, pelajar-pelajar KV telah didedahkan tentang teori dan amali bagi CNC Programming dan proses milling. Kursus merupakan kursus value-added kepada pelajar-pelajar KV bagi persediaan kepada kerja-kerja pemesinan.

Indusrtly 4WRD juga dapat memberi tumpuan kepada teknologi Industri 4.0 seperti IoT, AI, robotik, dan analitik data. Kursus ini menyediakan latihan yang diarahkan kepada individu, membolehkan mereka memahami, mengendalikan, dan menguruskan teknologi pembuatan canggih dengan efektif.

Industry 4WRD menekankan pembangunan tenaga kerja yang sangat mahir dalam

memanfaatkan teknologi digital. Kursus jangka pendek menawarkan cara yang praktikal dan efisien untuk meningkatkan kemahiran pekerja sedia ada dan mempersiapkan individu baru untuk peranan dalam landskap pembuatan moden.

Pelaksanaan kursus jangka pendek Industry 4WRD dapat memupuk budaya inovasi dengan menawarkan latihan dalam bidang seperti reka bentuk, prototaip, dan keusahawanan. Kursus ini memberi kuasa kepada individu untuk membangunkan solusi inovatif dan mencipta peluang perniagaan baru yang selaras dengan objektif Industry 4WRD.



Kursus CNC EDM

11 September 2023 || ADTEC Jerantut

Pelaksanaan KJP bersama Kolej Vokasional Kuala Krai adalah program yang dilaksanakan dibawah Nota Kerjasama yang telah dimeterai di antara ADTEC Jerantut dengan Kolej-Kolej Vokasional berlokalisasi di Pantai Timur. Pada sesi kali ini seramai 27 pelajar Mekanik Pemesinan Industri dari KV Kuala Krai telah hadir berkursus modul CNC EDM Die Sinker dan CNC Grinding. Para pelajar ini di beri peluang menggunakan mesin-mesin CNC ini secara 1-to-1. Pelaksanaan latihan amali ini adalah untuk memastikan para pelajar ini memenuhi keperluan penilaian mereka.

Kursus yang dijalankan bermula 4 September sehingga 6 September 2023 ini, adalah satu pengalaman pembelajaran latihan sebenar menggunakan mesin-mesin yang digunapakai di industri kelak.



Kursus Lathe Machine Operation

12 September 2023 || ILP Kuala Lumpur

Aktiviti Kursus Jangka Pendek (KJP) bagi Bengkel Teknologi Pembuatan yang berlangsung dari 4 - 10 September 2023 bertajuk Lathe Machine Operation.



Kursus Single Phase Air-Conditioning Equipment Maintenance

12 September 2023 || ILP Kuala Lumpur

Aktiviti Kursus Jangka Pendek bagi Bengkel Teknologi RAC yang berlangsung dari 4 - 10 September 2023 bertajuk Single Phase Air-Conditioning Equipment Maintenance.



Kursus Single & Three Phase Wiring

12 September 2023 || ILP Kuala Lumpur

Aktiviti Kursus Jangka Pendek bagi Bengkel Teknologi Elektrik yang berlangsung dari 4 - 10 September 2023 merangkumi tajuk Single Phase Wiring & System Maintenance dan Three Phase Wiring & Maintenance..



Kursus Engineering Design Process

13 September 2023 || ILP Ipoh

Pelaksanaan Kursus Jangka Pendek (KJP) dilaksanakan pada 11-12 Sept 2023 (Kump 1) dan 13-14 Sept 2023 (Kump 2) oleh tenaga pengajar di bahagian Tek. CADD Mekanikal (Pembuatan), Jabatan Mekanikal (Pengeluaran) bertajuk Engineering Design Process kepada guru-guru sekolah menengah di sekitar kawasan Kinta, Perak. Kursus ini dilaksanakan dalam 2 sesi (Kumpulan 1 dan 2) dan seramai 34 guru telah berdaftar bagi kursus ini. Tenaga pengajar yang terlibat adalah Ts Mohd Haiqal Karim bin Nordin, Pn Samsiah bt Yusuf, En Ridzuan bin Mohd Zulkifli dan Pn Hamidah bt Wahab.



Kursus Introduction to Cybersecurity Overview

13 September 2023 || ADTEC Batu Pahat

ADTEC Batu Pahat telah menjalankan kursus jangka pendek "Introduction to Cybersecurity Overview" khusus untuk pengajar dari Kolej Kemahiran Mentari, Kluang, Johor. Seramai 7 orang peserta telah mengikuti kursus tersebut yang dikendalikan oleh pengajar berpengalaman dari Bahagian Teknologi Komputer Rangkaian iaitu Ts. Norhisham bin Mansor, En. Mohd. Hapez bin Johari dan En Norhisham bin Norani.

Kursus selama 2 hari ini menekankan peningkatan kemahiran peserta dalam bidang cybersecurity sebagai persediaan mengendalikan latihan berkaitan di kolej mereka.

Pembelajaran yang fleksibel dan mudah dilaksanakan berbanding program pendidikan tradisional, membolehkan individu dari pelbagai latar belakang dan industri memperoleh kemahiran baru dengan cepat. Aksesibiliti ini penting untuk tenaga kerja Malaysia yang pelbagai dan PKS yang mencari untuk mengadaptasi teknologi Industri 4.0.

Secara keseluruhan, kursus jangka pendek memainkan peranan penting dalam menyokong inisiatif Industry 4WRD Malaysia dengan menyokong pembangunan kemahiran, memupuk inovasi, dan meningkatkan daya saing sektor pembuatan negara. Dengan pelaburan dalam kursus pendek yang bersasar, Malaysia dapat membina tenaga kerja yang berdaya tahan dan bersesuaian yang mampu memanfaatkan peluang yang ditawarkan oleh Revolusi Industri Keempat dan menggerakkan pertumbuhan ekonomi yang mampan di era digital.

PROJEK BITARA MADANI PROGRAM OUTREACH KEMAHIRAN DAYA CIPTA

Projek Bitara Madani - Program Outreach Kemahiran Daya Cipta merupakan inisiatif yang bertujuan untuk membentuk masyarakat madani melalui peningkatan kemahiran daya cipta dalam kalangan masyarakat. Membangunkan generasi berpengetahuan dan berkemahiran tinggi perlu perancangan dan iltizam bersepadu oleh semua pihak. Selari dengan fungsi Jabatan Tenaga Manusia (JTM) dalam menyediakan dan menjalankan latihan kemahiran pra-pekerjaan untuk memenuhi keperluan sektor perindustrian di Malaysia, elemen kreativiti dan inovasi sentiasa dititik beratkan dalam perancangan pembangunan negara agar rantai elemen dalam sistem pendidikan latihan kemahiran ini dapat dihubungkan secara konstruktif dan berimpak. Dengan menyelaraskan konsep Bitara Madani, program ini diarahkan untuk memupuk keupayaan kreatif dan inovatif dalam kalangan masyarakat, menjurus kepada pembangunan yang lebih mampan dan berkualiti.



Kursus Photo Editing Using PhotoPea

22 September 2023 || ILP Kuantan

ILP Kuantan sekali lagi telah berjaya melaksanakan Program Bitara Madani 2023 - Outreach Kemahiran Daya Cipta, kali ini bersama para pelajar SMK Chengal Lempong, Kuantan pula.

Seramai 25 orang pelajar dan 3 orang guru pengiring telah mengikuti kursus 'Photo Editing Using PhotoPea' yang antara kandungannya merangkumi penggunaan 'Tools', Manipulasi Imej, Penggunaan 'Effect & Filter' serta penyediaan hasil kerja bagi tujuan cetakan atau paparan digital. Kursus telah dikendalikan oleh pengajar Bahagian Teknologi Komputer Sistem, En. Azhar bin Ahmad Zaki dan dibantu oleh En. Muhammad Fadzli bin Ali.



Kursus CNC EDM Die Sinker, CNC Grinding dan CNC Milling

22 September 2023 || ADTEC Jerantut

Bahagian Teknologi Pembuatan ADTEC Jerantut telah menerima kunjungan dari KV Kemaman seramai 23 orang pelajar Mekanik Pemesinan Industri serta 2 orang guru pengiring bagi menjalani latihan Kursus Jangka Pendek. Ianya merupakan pengisian perjanjian persefahaman antara KV-KV Zon Pantai Timur dengan ADTEC Jerantut. Kursus Jangka pendek yang dijalankan adalah CNC EDM Die Sinker, CNC Grinding dan CNC Milling. Para pelajar dari KV ini diberi peluang menggunakan mesin-mesin yang bertaraf industri secara one-to-one handling.



Kursus Kimpalan Bersama KV Bentong

22 September 2023 || ADTEC Jerantut

ADTEC Jerantut berbesar hati menerima tetamu dari KV Bentong bagi kursus KJP GTAW Stainless Steel dan Aluminium bermula 18 hingga 23 September 2023. Sejumlah 2 orang pelajar dan 1 orang pengajar pengiring terlibat di mana En. Zakarno, Pengajar Pakar bertanggungjawab dalam pengajaran kursus ini. Ianya bertujuan untuk melengkapkan para pelajar sebagai peserta yang akan ke pertandingan KV skill peringkat akhir di Slim River.



Kursus Pemantapan Drebar Enjin Stim

22 September 2023 || ADTEC Jerantut

Kursus Pemantapan Drebar Enjin Stim (Boilerman) telah berjaya dianjurkan oleh Bahagian Teknologi Dandang (Boiler) bermula pada 18 hingga 21 September 2023 bagi siri keempat. Ia merupakan kursus yang melibatkan 15 orang peserta daripada pelbagai industri dan para peserta didedahkan kepada teori dan amali berkaitan pengoperasian dandang.



KJP Bitara Madani Bersama SMK Padang Piol

26 September 2023 || ADTEC Jerantut

ADTEC Jerantut meneruskan usaha untuk menyebarkan kemahiran berasaskan kreativiti, inovasi dan robotik. Program KJP Madani untuk sekolah luar bandar, SMK Padang Piol ini merupakan program khas iaitu Program Outreach Kemahiran Daya Cipta di bawah inisiatif Bitara Madani Kementerian Sumber Manusia (KSM).

Melihat kepada komitmen dan semangat sejumlah 16 orang pelajar serta 3 orang guru pengiring yang turut serta, ia menggambarkan kesungguhan para pelajar untuk menguasai teknologi kejuruteraan khususnya mekanikal, elektronik dan juga pengaturcaraan.




Kursus Asas Robotik

4 Oktober 2023 || ADTEC Batu Pahat

Seramai 39 orang peserta terdiri daripada guru dan murid SK LKTP Belitong, Kluang, Johor telah menghadiri Kursus Asas Robotik yang diadakan di Bengkel Teknologi Mekatronik, ADTEC Batu Pahat. Kursus sehari ini mendedahkan peserta kepada mikropengawal dan asas kawalan mobile robot. Kursus ini dikendalikan oleh Ts. Mohd Azri bin Akhiak dan Ts. Mohd Safti bin Samsudin, pengajar berpengalaman di dalam bidang Mekatronik dan Robotik.

Tujuan pelaksanaan Projek Bitara Madani - Program Outreach Kemahiran Daya Cipta adalah untuk memberi kesedaran, pengetahuan dan pendedahan kepada masyarakat dan komuniti berhubung teknologi berasaskan I4.0 bagi meningkatkan penyertaan dalam latihan kemahiran serta membudayakan daya cipta / inovasi dalam kalangan masyarakat dan komuniti. JTM menyediakan platform untuk meningkatkan kemahiran daya cipta masyarakat dalam pelbagai bidang, merangsang kreativiti dan inovasi sebagai aspek penting dalam pembangunan madani.



Kursus GMAW Welding

4 Oktober 2023 || ILP Bukit Katil

Seramai 9 orang pengajar PDRM dari Maktab Teknik PDRM Bakri, Muar, Johor, telah berjaya menjalani kursus kemahiran ini. Objektif kursus ini adalah untuk memberi pendedahan berkaitan meningkatkan kemahiran dalam bidang kimpalan (GMAW) di samping mempromosikan program TVET di ILPBK. Antara kandungan latihan iaitu Introduction to GMAW process Welding environment, Welding technique, welding defect, Welding variable (arc voltage, current, travel speed, electrode extension), GMAW process straight bead, GMAW process (1F) dan GMAW process (2F)



Kursus Asas Selenggara Penghawa Dingin Domestik

4 Oktober 2023 || ILP Bukit Katil

Kursus Jangka Pendek (KJP) Asas Selenggara Penghawa Dingin Domestik telah disertai oleh 17 orang pelajar termasuk 2 orang Muallim (Guru) dari Maahad Tahfiz Abu Bakar Bukit Katil dan Maahad Tahfiz An Nuriah Ad Diniyah Sungai Udang Melaka. Kursus selama 2 hari ini telah dilatih oleh pengajar elektrik, En. Mohd Hafzi Bin Mahad.

Peserta didedahkan dengan asas komponen dan sistem penghawa dingin, alatan tangan, keselamatan pengendalian penghawa dingin dan asas selenggara. Kursus ini telah ditaja sepenuhnya oleh Pertubuhan Penggerak Huffaz Berkemahiran Selangor (Penggerak Huffaz).



Kursus Asas Fotografi

9 Oktober 2023 || ILP Selandar

Kolej Profesional Mara Ayer Molek Melaka telah menghantar seramai 30 orang pelajar dan 2 orang pensyarah pengiring ke ILP Selandar untuk mengikuti kursus jangka pendek Asas Fotografi. Kursus ini telah berlangsung selama 1 hari pada 7 Oktober 2023 bertempat di Pusat Sumber ILP Selandar. Para peserta telah diajar tentang setting kamera DSLR dan juga teknik mengambil gambar yang betul bagi menghasilkan gambar yang berkualiti dan menarik.



Kursus Mesin CNC EDM Die Sinker Dan Mesin CNC Grinding

13 Oktober 2023 || ILP Kangar

Kursus Jangka Pendek di Bengkel Teknologi Pembuatan Pemesinan (CNC) untuk mesin CNC EDM Die Sinker dan Mesin CNC Grinding telah berlangsung selama 3 hari dari 10 Oktober 2023 hingga 12 Oktober 2023. Terdapat 30 pelajar dan 2 guru dari Kolej Vokasional Alor Star yang mengikuti kursus ini. Kursus Hands-On ini diajar oleh Encik Zulkarnain Bin Ibrahim, seorang pakar dalam bidangnya.



Kursus OTDR

16 Oktober 2023 || ILP Sandakan

ILP Sandakan terus mengekalkan momentum pelaksanaan sesi PdP dengan penganjuran kursus peningkatan kemahiran dan pengenalan kepada teknologi terkini kepada barisan pengajar.

Sebanyak 8 orang pengajar ILP Sandakan dan 2 orang pengajar ILP Miri telah menghadiri sesi peningkatan kemahiran dalam penggunaan Optical Time Domain Reflectometer (OTDR) yang terkini bersama tenaga pakar Optik Prima Sdn. Bhd. yang merupakan syarikat pembekal peralatan latihan tersebut.

OTDR merupakan peralatan yang sering digunakan dalam menguji integriti sambungan kabel fiber optik yang digunakan dalam bangunan bagi tujuan untuk ujikaji, pengesahan, penyelenggaraan serta troubleshooting suatu sistem rangkaian fiber optik yang luas.



Kursus Arduino Uno Dan Electro-Pneumatic

18 September 2023 || ILP Marang

Seramai 16 orang Pelajar dan 2 orang Guru Pengiring Maahad Tahfiz Asy Syatibi Bukit Payong, Marang telah mengikuti Kursus Arduino Uno dibawah Program Bitara MADANI di Bengkel Teknologi Mekatronik pada 17 Oktober 2023 dan seramai 20 orang Pelajar dari KV Wakaf Tembesu telah mengikuti Kursus Electro-Pneumatic dari 16-17 Oktober 2023 di Makmal Pneumatik Bengkel Teknologi Mekatronik.



Kursus Penyiraman Automatik

19 September 2023 || ILP Kuala Terengganu

ILP Kuala Terengganu telah menganjurkan kursus Penyiraman Automatik bagi Program Bitara Madani Outreach Kemahiran Daya Cipta kepada 16 pelajar dan 1 orang guru pengiring SMK Bukit Guntong Kuala Nerus Terengganu.

Faedah daripada kursus ini akan memberi idea dan pengetahuan berkenaan penyiraman secara automatik dan secara tidak langsung mempermudah serta pemodenan dalam bidang pertanian untuk menghasilkan produk yang berkualiti dan penambahan kuantiti.

Program Bitara Madani adalah terbuka kepada semua lapisan masyarakat, termasuk pelajar, belia, dan golongan dewasa yang berminat untuk meningkatkan kemahiran daya cipta mereka. Melibatkan pembelajaran praktikal dalam bidang seni, inovasi teknologi, dan keusahawanan untuk memperkukuhkan kemahiran serta daya cipta. Menjalankan sesi-sesi pembelajaran berterusan yang melibatkan pakar-pakar industri dan profesional dalam memberikan pandangan dan pengetahuan berkaitan dengan kemahiran. Menggalakkan projek kolaboratif dalam komuniti, menggabungkan idea dan bakat setempat untuk mencipta penyelesaian kreatif terhadap cabaran tempatan.



Kursus Customised CNC Grinding

19 Oktober 2023 || ILP Pedas

Kursus customized CNC Grinding bagi 26 orang pelajar Kolej Vokasional Port Dickson telah dijalankan pada 9 - 12 Oktober 2023. Sepanjang 4 hari kursus ini, pelajar-pelajar KV telah didedahkan tentang teori dan amali bagi CNC Programming dan proses grinding. Kursus ini merupakan kursus value-added kepada pelajar-pelajar KV bagi persediaan kepada kerja-kerja pemesinan.



Kursus Adobe Animate Creative Cloud Essentials

20 Oktober 2023 || ILP Kuala Langat

Bengkel Teknologi Perisian (Multimedia Interaktif) telah menjalankan Kursus Adobe Animate Creative Cloud Essentials di bawah Program Training of Trainers dari 16-19 Oktober 2023. Kursus ini disertai oleh 20 orang pegawai daripada ILP Kuala Langat dan ILJTM lain. Kursus ini dikendalikan oleh Training Provider, Glocatech Holdings Sdn. Bhd.



Kursus Networking Technology With IoT

20 Oktober 2023 || JMTI

Soft Opening: Kursus Networking Technology with IoT Application in Digital Economy yang dihadiri oleh Madam Sugawara Minako, Chief Representative of JICA Malaysia Office, Mr Kuroe Kosuke, Deputy Consul-General, Consulate-General of Japan in Penang dan Mr Ohi Toshiaki, Volunteer Coordinator telah diadakan bagi menandakan bermulanya kursus yang akan berlangsung selama 14 hari. Tetamu jemputan dan peserta kursus telah dibawa melawat Makmal Robotik, Makmal FMS, Makmal KNTS dan Makmal Troubleshooting diiringi oleh Pengurusan Tertinggi JMTI.



Kursus Penyegerakkan Kuasa Voltan Rendah

23 Oktober 2023 || ILP Pasir Gudang

Bahagian Penjaga Jentera Elektrik telah menganjurkan Kursus Modul Penyegerakkan Janakuasa Voltan Rendah pada 22 September hingga 21 Oktober 2023. Program ini disertai oleh 20 orang peserta terdiri daripada orang kompeten yang berkerja di industri. Program ini dijalankan secara bersemuka di ILP Pasir Gudang merangkumi aspek teori, amali, lisan dan semakan buku log berkaitan proses pemasangan sistem penyegerakkan janakuasa voltan rendah.



Kursus Mesin CNC EDM Die Sinker Dan Mesin CNC Grinding

27 Oktober 2023 || ILP Kangar

Kursus Jangka Pendek CNC Grinding dan CNC EDM Die Sinker diikuti oleh 26 pelajar dan 3 guru pengiring dari Kolej Vokasional Arau, Perlis. Kursus ini bermula pada 23 Oktober 2023 dan berakhir pada 26 Oktober 2023. Peserta kursus diberikan pendedahan mengenai pemahaman dan kemahiran asas dalam pengendalian mesin CNC Grinding dan CNC EDM Die Sinker. Setiap peserta berpeluang menjalankan program secara praktikal (Hands-on) dan menjalankan operasi pada mesin-mesin tersebut.




Kursus Tool & Cutter Grinder

2 November 2023 || ADTEC Batu Pahat

Seramai 9 peserta telah menyertai kursus jangka pendek 'Tool & Cutter Grinder' yang diadakan pada 27 dan 28 Oktober 2023 di Bengkel Pemesinan, ADTEC Batu Pahat. Para peserta terdiri daripada pelajar-pelajar Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan, UTHM.

Kursus dua hari ini dikendalikan oleh Tuan Haji Haizal bin Ahmad, pengajar berpengalaman dari Bahagian Teknologi Pembuatan (Pemesinan).



Kursus Transistor Fabrications

2 November 2023 || ADTEC Taiping

Telah dijalankan di Makmal Fabrikasi Wafer Mikroelektronik Adtec Taiping pada 28 & 29 Oktober 2023 melibatkan seramai 24 pelajar semester 3 dari Universiti Teknologi Petronas. Pengajar Mikroelektronik yang terlibat ialah En Nazmi Amaludin dan En Omar Abdul Rahman.



Kursus Automatik Transmission Overhauling

2 November 2023 || ILP Kuala Lumpur

Telah berlangsung di Bahagian Teknologi Automotif ILPKL yang melibatkan kursus Automatic Transmission / Transaxle Unit Overhauling. Kursus ini telah dijalankan selama 4 hari (32 jam) bermula 28 Oct 2023 sehingga 31 Oct 2023. Peserta kursus terdiri dari anggota Angkatan Tentera Malaysia Kor Jurutera Letrik Dan Jentera Diraja (JLJ) seramai 6 orang daripada 6 kem di Semenanjung Malaysia.

Kursus ini dikendalikan oleh pengajar automotif iaitu En Mohamad Sufian Bin Ngah Mat Noh. Kursus ini diadakan untuk memberi pendedahan kepada peserta berkaitan conduct automatic transmission / transaxle unit functional test dan perform automatic transmission / transaxle overhauling. Diakhir kursus para peserta menggunakan scantool bagi pelaksanaan diagnose vehicle automatic transmission / transaxle system.



Kursus Drone Pilot Basic (TELLO)

3 November 2023 || ILP Kuala Lumpur

30 Oktober 2023 - ILP Kuala Lumpur telah menganjurkan Program Bitara Madani - Program Outreach Kemahiran Daya Cipta. Seramai 10 orang pelajar SMK Seri Sentosa, KL telah mengikuti Kursus Drone Pilot Basic (TELLO) dan 12 orang pelajar SMK Taman Yarl, KL menyertai Kursus Rekabentuk Grafik (Poster).



Bengkel Mikrobotik Bitara Madani 2023

10 November 2023 || ILP Selandar

08 November 2023 - Pejabat Pendidikan Daerah Jasin dengan kerjasama ILP Selandar telah menganjurkan bengkel bertajuk "Bengkel Mikrobotik Bitara Madani 2023". Bengkel ini telah berjaya mengumpulkan para guru sekolah di daerah Jasin untuk meningkatkan kepakaran mereka dalam bidang robotik.

Para guru diajar tentang komponen-komponen utama yang terdapat dalam mikrobotik dan bagaimana setiap komponen berfungsi secara individu maupun bersama-sama. Pengetahuan ini akan membolehkan para guru untuk memahami dan mengendalikan mikrobotik dengan lebih baik.



Kursus Arduino Internet Of Things

7 November || ILP Kuala Langat

ILPKL dengan kerjasama Aeronerve Institute telah menganjurkan Kursus Arduino Internet Of Things : Training With Wifi Shield bertempat di Institut Latihan Perindustrian Kuala Lumpur pada 3-5 November 2023.

Kursus ini telah dikenadalkan oleh pakar didalam bidang Industry 4.0 iaitu En. Mohd Amirul Haziq bin Yaacob dan En. Ashabal Kahiri bin Asril. Kursus ini telah disertai seramai 15 orang pengajar daripada ILPKL, ILP Mersing dan ADTEC Kemaman. Melalui kursus ini, peserta diedahkan dengan penggunaan fundamental of embedded & electronics for IoT development. Diakhir kursus para peserta berpeluang menguji penggunaan arduino yang telah diprogramkan.



Kursus Asas Robotik

15 November 2023 || ADTEC Batu Pahat

Seramai 37 orang peserta terdiri daripada guru dan murid SK LKTP Belitong, Kluang, Johor telah menghadiri Kursus Asas Robotik yang diadakan di Bengkel Teknologi Mekatronik, ADTEC Batu Pahat. Kursus sehari ini mendedahkan peserta kepada mikropengawal dan asas kawalan mobile robot.



Kursus Asas Pengaturcaraan & Kawalan Arduino

23 November 2023 || ILP Mersing

ILP Mersing telah melaksanakan Program Bitara Madani Kursus Asas Pengaturcaraan & Kawalan Arduino di sepanjang bulan November 2023. Secara keseluruhannya sebanyak 4 buah sekolah menengah terlibat dengan jumlah pelajar yang menyertai kursus seramai 55 orang. Seramai 10 orang guru yang mengajar mata pelajaran RBT juga turut sama menyertai kursus ini. Sekolah yang terlibat adalah SMK Nitar Mersing, SMK Tun Habab Kota Tinggi, SMK Air Tawar Kota Tinggi dan SMK Felda Tenggaroh. Semua peserta kerana berjaya menghasilkan projek mini menggunakan Arduino UNO dan 7 Segment Display.


Projek Bitara Madani - Program Outreach Kemahiran Daya Cipta adalah langkah positif dalam membentuk masyarakat madani yang kreatif dan inovatif. Melalui pelaksanaan program-program yang bersesuaian dan penyertaan aktif masyarakat, negara dapat bergerak ke arah masa depan yang lebih baik untuk semua. Dengan melibatkan pelbagai lapisan masyarakat, negara dapat membina sebuah masyarakat yang lebih responsif dan dinamik terhadap cabaran semasa.



Kursus Pemantapan Pengajar TESDEC

24 November 2023 || ADTEC Kemaman

Lima orang pengajar Pusat Pembangunan Kemahiran Negeri Terengganu (TESDEC) telah berjaya menamatkan latihan pemantapan pengajar di ADTEC Kemaman hari ini. Lima pengajar terbabit telah mengikuti kursus Programmable Logic Control (PLC), Talian Atas Voltan Rendah (TAVR) dan Main Switch Board (MSB) selama empat hari bermula 20 sehingga 23 November 2023.



Kursus Introduction To Plastic Technology

28 November 2023 || ILP Jitra

Pada 6 November 2023 telah dilaksanakan kursus "Introduction To Plastic Technology" kepada pelajar-pelajar SMK Hosba. Program ini telah dihadiri seramai 20 orang pelajar dan seorang guru. Program ini bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada pelajar mengenai Kursus Teknologi Plastik yang terdapat di ILP Jitra serta peluang kerjaya dalam bidang ini.



Kursus Single Phase AC Equipment Installation

4 Disember 2023 || ILP Kuala Lumpur

Kursus Jangka Pendek Single Phase Air-Conditioning Equipment Installation telah berlangsung di Bahagian Teknologi Penyejukbekuan dan Penyamanan Udara ILPKL. Peserta kursus terdiri dari 9 orang peserta. Kursus ini dikendalikan oleh pengajar Teknologi Penyejukbekuan & Penyamanan Udara iaitu Pn. Salamiyah binti Ismail. Kursus ini adalah untuk memberi pengetahuan, pendedahan dalam mengendalikan peralatan serta langkah kerja kepada para peserta dalam kerja-kerja pemasangan unit penghawa dingin.



Kursus Kemahiran ICT

7 Disember 2023 || ILP Pedas

Kursus Kemahiran ICT - Microsoft Word, Microsoft Excel dan Microsoft Powerpoint telah diadakan bagi 18 orang peserta dari Madrasah Tahfiz As-Solihin, Jalan Pantai, Seremban, Negeri Sembilan selama 2 hari pada 5 - 6 Disember 2023.



Latihan TVET Pelajar Tahfiz

11 Disember 2023 || ILP Mersing

Pihak ILP Mersing berbesar hati melaksanakan program promosi dan pendedahan tentang latihan TVET terhadap pelajar tahfiz di daerah Kluang Johor dengan melaksanakan aktiviti KJP. Program berlangsung selama 2 hari bermula dari 1 Disember 2023 hingga 2 Disember 2023. Mahaad Tahfiz yang terpilih adalah Mahaad Tahfiz Darul Ulum Asy Syatibi yang terletak di Kluang Johor. Seramai 14 orang pelajar tahfiz Bersama seorang guru telah mengikuti latihan ini.

Kursus yang dilaksanakan adalah Kursus Asas Penyelenggaraan Penyamanan Udara. Seramai 3 orang tenaga pengajar ILP Mersing dibantu oleh 5 pelajar Teknologi PPU terlibat dalam menjayakan program ini.



Kursus MOSFET Fabrication Bersama Pelajar USM

18 Disember 2023 || ADTEC Taiping

Pada 16 Disember 2023 & 17 Disember 2023 bertempat di Cleanroom Bahagian Mikroelektronik, ADTEC Taiping telah diadakan Kursus Jangka Pendek (KJP) bagi program MOSFET Fabrication Bersama Pelajar USM. Kursus ini dibimbing oleh tenaga pengajar pakar iaitu En. Najmi, En. Omar & En. Hafiz.



Kursus Asas Pemasangan Komputer

5 Disember 2023 || ILP Kuala Terengganu

Seramai 9 pelajar lelaki daripada Maahad Tahfiz Wal Tarbiyyah Darul Iman mengikuti Kursus Asas Pemasangan Komputer Di ILP Kuala Terengganu.



Kursus WQT 6G SMAW

10 Disember 2023 || ILP Miri

7-9 Disember 2023 Kursus Jangka Pendek (KJP) Welder Qualification Test (WQT) 6G SMAW Syarikat Indra Group Sdn. Bhd. Bengkel Teknologi Kimpalan ILP Miri telah menjalankan Welder Qualification Test (WQT) 6G SMAW Syarikat Indra Group Sdn. Bhd. seramai 2 orang peserta. Turut hadir client Welding Inspector dari syarikat Ria Solution Sdn. Bhd. Kedua-dua peserta telah melepasi saringan visual dan sedang menunggu keputusan ujian radiografi.



Kursus Pengenalan Kepada CAD 2D & 3D

12 Disember 2023 || ILP Tangkak

11 - 12 Disember 2023 bengkel Teknologi CADD Mekanikal, ILP Tangkak telah melaksanakan Kursus kepada 23 orang pelajar dan 2 orang guru dari Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Gambir, Tangkak, Johor.

Kursus ini dibimbing oleh tenaga pengajar pakar dari bidang Teknologi CADD Mekanikal yang terdiri daripada En Imran Bin Ishak, En Muhamad Ashraf Bin Salmin dan Puan Nor Rafizah Binti Zakaria.



Kursus Peningkatan Kemahiran & Perkongsian Kepakaran

18 Disember 2023 || ILP Jitra

Program peningkatan kemahiran dan perkongsian kepakaran kepada pelajar - pelajar jurusan Bachelor in Automotive Technology Universiti Malaysia Perlis. Diharapkan dengan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari dapat membantu meningkatkan kemahiran dan pengetahuan pelajar. Sesi pada tahun 2023 melibatkan 2 modul iaitu Autotronic System Service dan Maintenance Automotive Component. Manakala pada tahun 2024, terdapat 2 lagi modul yang akan dijalankan iaitu Drivetrain Maintenance dan Hybrid Servicing.



Kursus Canva For Junior

5 Disember 2023 || ILP Kuala Terengganu

Seramai 10 Pelajar Perempuan Daripada Maahad Tahfiz Wal Tarbiyyah Darul Iman Mengikuti Kursus Jangka Pendek "Canva For Junior" Di ILP Kuala Terengganu.



JABATAN TENAGA MANUSIA

ARAS 6 & 8, SETIA PERKASA 4, KOMPLEKS SETIA PERKASA
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62530 W.P. PUTRAJAYA

☎ 03-8886 5555

📠 03-8889 2417

🌐 [http:// www.jtm.gov.my](http://www.jtm.gov.my)



www.facebook.com/jtmksm



www.instagram.com/jtm_ksm



www.twitter.com/JTM_KSM



www.youtube.com/@jtmksm